




Nilai Pelaburan yang Bermakna

LAPORAN TAHUNAN 2018



NILAI PELABURAN bukan tentang menjana kekayaan semata-mata - ianya tentang mencipta nilai yang benar-benar bermakna. Kerana bagi jutaan insan, kami bukan hanya membina bangunan pencakar langit, bukan hanya mengira angka berjuta, bukan hanya menghitung wang menggunung.



Apa yang kami lakukan untuk insan lain mencerminkan siapa diri kami yang sebenar. Bagi setiap insan, perniagaan, masyarakat dan negara, apa yang kami lakukan dan nilai yang kami berikan amat bermakna buat mereka. Nilai inilah jua yang menjadi asas kepada perubahan yang tiada penghujungnya.

PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sebagai satu instrumen Dasar Ekonomi Baru (NEP). Sepanjang empat dekad yang lalu, PNB telah berkembang menjadi salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia. Mengelakkan tumpuan kepada mandat kami, kami berusaha memperkayakan kehidupan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia pada tahun-tahun akan datang.



Kandungan

1 TINJAUAN

- 004 Mengenai Kami
- 006 Rantaian Nilai Kami
- 008 Maklumat Korporat
- 009 Struktur Organisasi
- 010 Sorotan Utama 2018
- 012 Ulang Tahun Ke-40
- 014 Sorotan Kewangan

2 KEPIMPINAN

- 020 Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra
- 022 Lembaga Pengarah
- 030 Pengurusan Kanan
- 035 Eksekutif Utama
 - Pengurusan Aset
 - Pelaburan Strategik
 - Harta/Hartanah
 - Unit Amanah
 - Korporat

3 PERUTUSAN

- 040 Perutusan Pengerusi Kumpulan
- 046 Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

4 PORTFOLIO PELABURAN

- 054 Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan
- 056 Peruntukan Aset Strategik
- 058 Ekuiti Awam
- 064 Pelaburan Persendirian
- 065 Pendapatan Tetap
- 066 Hartanah

5 PERJALANAN TRANSFORMASI ASNB

- 070 Pelan Strategik ASNB 2018-2022
 - Teras I: Menyampaikan Produk yang Sesuai Kepada Pelanggan
 - Teras II: Mentransformasikan Pemasaran, Jualan dan Pengagihan
 - Teras III : Memperkayakan Pengalaman Pelanggan

6 KEUPAYAAN ORGANISASI

- 076 Statistik Utama: Modal Insan
- 077 Latihan & Pembangunan
- 080 Proses Perniagaan dan Inovasi

7 MATLAMAT SOSIAL

- 084 Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat
- 095 Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Bumiputera

8 TADBIR URUS KORPORAT

- 098 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 106 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 115 Penyata Pematuhan Korporat
- 119 Laporan Jawatankuasa Audit
- 121 Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah

9 SOROTAN KEWANGAN

- 124 Penyata Kewangan Proforma 5 Tahun Kumpulan PNB Yang Digabungkan Serentak
- 125 Laporan Juruaudit Bebas
- 126 Tabung Unit Amanah

Mengenai Kami

Visi

Untuk Menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia

Misi

Untuk Meningkatkan Kekayaan Ekonomi
Masyarakat Bumiputera Dan Seluruh Rakyat
Malaysia, Demi Kemakmuran Negara

Nilai Kami

<p>▼</p> <p>Kecekapan</p> <p>Kami mempunyai kecekapan yang perlu untuk mencapai prestasi tinggi</p>	<p>▼</p> <p>Rendah Diri</p> <p>Kami sentiasa menghormati orang lain serta menjawai asal-usul dan perjuangan jitu PNB</p>	<p>▼</p> <p>Integriti</p> <p>Kami sama sekali tidak akan berkompromi dalam hal integriti dan berpegang teguh kepada standard etika yang tinggi</p>
<p>▼</p> <p>Cermat</p> <p>Kami sentiasa fokus untuk melindungi pelaburan pemegang unit amanah kami</p>	<p>▼</p> <p>Semangat</p> <p>Kami sentiasa bersemangat tinggi untuk memperoleh pencapaian luar biasa</p>	

Yayasan Pelaburan Bumiputra



DANA UNIT AMANAH HARGA TETAP



(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Didik)

(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020)

(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham 1Malaysia)

DANA UNIT AMANAH HARGA BERUBAH



(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 2)


(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Gembilang Kesihatan)

(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 3 Imbalang)

(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Gembilang - Pendidikan)

(Dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Gembilang - Persaraan)

Rantaian Nilai Kami



Pulangan portfolio dijana daripada keuntungan modal dan pendapatan berulang daripada setiap kelas aset

Bagaimana

Di mana

Prestasi aset didorong oleh gabungan faktor makro ekonomi dan pasaran

Pemacu Utama

01 Penetapan Matlamat

02 Penjanaan Idea


03 Ketekunan Wajar, Analisis, Unjuran & Penilaian

04 Pemilihan Aset Yang Boleh Dilabur

05 Membina Portfolio

06 Pelaksanaan & Pengurusan Aktif

07 Pemantauan, Semakan, Pengimbangan Semula, Pengewangan & Pengunduran



Pelaburan dibuat di seluruh portfolio pelbagai kelas aset dan geografi untuk mengurus pendedahan risiko

Maklumat Korporat

Lembaga Pengarah

1. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (*Pengerusi Kumpulan*)
2. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad
3. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir
4. Tan Sri Datuk Zainun binti Ali
5. Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari
6. Datu Haji Soedirman bin Haji Aini
7. Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
8. Dato' Johan bin Ariffin

Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan

1. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (*Pengerusi*)
2. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir
3. Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Haji Johari
4. Datu Haji Soedirman bin Haji Aini

Jawatankuasa Pelaburan

1. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (*Pengerusi*)
2. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad
3. Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani
4. Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar
5. Dato' Johan bin Ariffin

Jawatankuasa Audit

1. Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood (*Pengerusi*)
2. Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani
3. Datuk Mohd. Anwar bin Yahya

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

1. Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood (*Pengerusi*)
2. Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani
3. Datuk Mohd. Anwar bin Yahya

Jawatankuasa Pematuhan

1. Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (*Pengerusi*)
2. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad
3. Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood

Jawatankuasa Tender

1. Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani (*Pengerusi*)
2. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad
3. Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood

Jawatankuasa Pelaburan Hartanah

1. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (*Pengerusi*)
2. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad
3. Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani
4. Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar
5. Dato' Johan bin Ariffin

Jawatankuasa Rayuan

1. Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (*Pengerusi*)
2. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir
3. Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Haji Johari
4. Datu Haji Soedirman bin Haji Aini

Jawatankuasa Penasihat Syariah

1. Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar (*Pengerusi*)
2. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria
3. Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad
4. Dato' As-Sheikh Haji Nooh bin Gadot
5. Professor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid
6. Dr. Aida binti Othman

Pejabat Berdaftar

Permodalan Nasional Berhad
Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03-2050 5100
Fax : 03-2050 5268


Juruaudit

Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad

Bank

Maybank Islamic Berhad
Malayan Banking Berhad

Struktur Organisasi



SOROTAN UTAMA 2018

► 22 JANUARI



Pelantikan Bank Mualamat sebagai ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

► 27 FEBRUARI



PNB dengan rasminya mengalu-alukan Park Hyatt ke Kuala Lumpur yang akan beroperasi di 17 tingkat teratas Menara PNB 118. Jenama Park Hyatt akan mengurus dan mengendalikan hotel mewah ini apabila ia membuka pintunya pada 2021.

► 15 MAC



Sambutan ulang tahun ke-40 di Menara PNB.

► 28 OGOS



Menandatangani perjanjian penjualan dan pajakan balik antara PNB Development Sdn Bhd dan Media Prima Berhad yang melibatkan hartaanah yang dimiliki oleh The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad termasuk Balai Berita Shah Alam dan Balai Berita Bangsar.

► 18 OGOS



Menandatangani SPA antara AIDF Industrial Sdn Bhd dan Seriemes Development (anak syarikat PNB Development Sdn Bhd) untuk pembelian 212.54 ekar tanah industri pegangan bebas di Kota Seri Langat, Selangor.

► 1 JULAI



Pelantikan Tan Sri Dr. Zeti Aziz sebagai Pengurus Kumpulan PNB yang ke-4.

► 27 SEPTEMBER



Penjenamaan semula dana harga tetap dan pelancaran dana harga berubah baharu iaitu ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

► 20 NOVEMBER



Pelancaran Biografi Korporat PNB "In Trust: A History of PNB".

► 12 DISEMBER



Pelancaran Pusat Pengimejan IJN-PNB baharu di Institut Jantung Negara di Kuala Lumpur oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye.

17 APRIL



Pelancaran PNB Value Homes di Port Dickson, Negeri Sembilan.

19 APRIL



Pembukaan rasmi Minggu Saham Amanah Malaysia 2018 di Batu Pahat, Johor.

30 JUN



Persaraan Tan Sri Abdul Wahid Omar sebagai Pengurus Kumpulan.

30 MEI



Pelantikan Hong Leong Bank sebagai ejen ASNB.

19 APRIL



Penjenamaan semula dana harga berubah ASNB untuk memudahkan pemahaman terhadap produk berkenaan.

14 DISEMBER



Perjanjian SPA bersyarat ditandatangani oleh PNB dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pembelian bersama harta tanah komersial di Fasa 2 Pembangunan Stesen Janakuasa Battersea.

18 DISEMBER



Pelancaran Perkhidmatan Digital Maybank bagi pemegang unit ASNB sebagai sebahagian daripada usaha PNB untuk meningkatkan kemudahan urus niaga.

31 DISEMBER



Persaraan Dato' Idris Kechot sebagai Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pengurusan Aset, selepas 34 tahun perkhidmatan.

Ulang Tahun Ke-40

PNB meraikan ulang tahun ke-40nya pada 2018, dan untuk menandakan peristiwa penting ini beberapa acara telah dianjurkan dan pengumuman khas telah dibuat untuk memperingati pencapaian PNB sejak empat dekad yang lalu.



● 1 MAC 2018

Bonus Ulang Tahun khas sempena 40 tahun penubuhan PNB sebanyak 1.00 sen seunit untuk pemegang unit ASB yang mempunyai baki sehingga 10,000 unit, tambahan kepada pengagihan pendapatan 7.00 sen seunit, dan bonus 0.25 sen.

MAC

15 MAC 2018

1. Perhimpunan khas sempena sambutan ulang tahun ke-40 di Menara PNB.
2. Pelancaran logo baharu PNB yang memberi gambaran syarikat yang lebih dinamik, telus, dan tangkas melangkah ke masa hadapan.



16 MAC 2018

Majlis Doa Selamat yang mengumpulkan kakitangan, pengurusan dan ahli Lembaga Pengarah semasa PNB dan yang telah bersara.



29 MAC 2018

Pelancaran laporan tahunan pertama PNB bertemakan - Menjana Kekayaan Rakyat Malaysia – 40 Tahun Membina Negara



**30 SEPTEMBER HINGGA
2 OKTOBER 2018**

1. Kelab Sukan dan Rekreasi PNB dengan 42 kakitangan PNB memulakan Ekspedisi Ulang Tahun ke-40 untuk mendaki Gunung Kinabalu di Sabah.
2. Lawatan rehat media di Kota Kinabalu, Sabah untuk menunjukkan penghargaan kami atas sokongan media terhadap PNB sepanjang 40 tahun yang lalu.



16 NOVEMBER 2018

Majlis Makan Malam sempena Ulang Tahun PNB ke-40 dengan tetamu kehormat, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, Penggerusi Kumpulan PNB.



SEPTEMBER

26 NOVEMBER 2018

Pelancaran biografi korporat komprehensif pertama yang bertajuk "In Trust: A History of PNB", yang ditulis oleh Profesor Nicholas J. White, oleh Tan Sri Dr. Zeti Aziz dan bekas Penggerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

NOVEMBER

DISEMBER


3 DISEMBER 2018

Sesi bacaan khas "In Trust: A History of PNB" oleh Profesor Nicholas J. White di Menara PNB untuk berkongsi sejarah kegemilangan PNB dengan generasi muda warga kerja PNB.



Sorotan Kewangan Utama


Aset di Bawah Pengurusan (RM bilion)






Unit Dalam Edaran (bilion unit)



Bilangan Akaun (juta)



Pendapatan Kasar Proforma 5 Tahun Kumpulan PNB Yang Digabungkan Serentak (RM Bilion)**Pendapatan Bersih Proforma 5 Tahun Kumpulan PNB Yang Digabungkan Serentak (RM Bilion)****Pulangan Atas Aset Proforma 5 Tahun Kumpulan PNB Yang Digabungkan Serentak (RM Bilion)**

Peruntukan Aset Kumpulan PNB Mengikut Kelas Aset**Peruntukan Aset Kumpulan PNB Mengikut Geografi**

Prestasi Dana Unit Amanah

|--|--|--|--|--|--|--|



Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	31 Mac	30 Jun	31 Mac	31 Ogos	30 Sep
Pengagihan (sen setiap unit)	6.5 + 0.5	6.75	6.25	6.25	6.00	6.00
Pendapatan Bersih (RM juta)	9,830.0	577.8	313.6	1,057.9	1,153.5	708.3
Unit dalam Edaran TKB (bilion unit)	155.9	9.4	5.8	18.4	19.8	12.8

	Ekuiti			Aset Bercampur Terimbang		Aset Bercampur Konservatif

Tahun Kewangan Berakhir (TKB)	31 Dis	30 Jun	31 Mac	30 Nov	31 Mac	31 Mac
Hasil Pengagihan (%)	5.01	5.38	5.06	5.03	4.90	4.50
Jumlah Pulangan (%)	-8.95	-1.28	8.18	-3.85	7.00	6.76
Pendapatan Bersih* (RM juta)	63.9	43.1	89.6	61.0	44.2	24.3
Unit dalam Edaran TKB (bilion unit)	1.8	1.5	1.9	1.3	1.1	1.1

* Sebahagian daripada jumlah pendapatan komprehensif, termasuk Rizab Kesamaan Pengedaran (DER).

Nota: Ringkasan prestasi untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 tidak disediakan kerana ini dana baharu yang dilancarkan pada 27 September 2018 dan masih belum mencapai tahun kewangan penuh mereka.

Pengagihan Pendapatan (RM bilion)**Pengagihan Pendapatan Terkumpul****Pembayaran Pengagihan Pendapatan Tahunan**





“

Kekuatan PNB bukan diperolehi sekelip mata. PNB telah mencapai kedudukan yang dihormati dan disegani kerana keupayaan pengurusannya yang **berpegang teguh kepada prinsip integriti, tadbir urus yang baik dan amanah sejak ia ditubuhkan** pada 1978 bersama Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB).”

Tun Dr. Mahathir Mohamad

Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra, Perdana Menteri Malaysia

In Trust: A History of PNB

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra

YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad

Pengerusi YPB/Perdana Menteri Malaysia

MAHATHIR

YBhg Tan Sri Haji Ambrin Buang



YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali

Menteri Hal Ehwal Ekonomi



YBhg Tan Sri Dr. Zeti Aziz

Pengerusi Kumpulan PNB

Lembaga Pengarah

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz

Pengerusi Kumpulan



JAWATAN

- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

UMUR

- 71

TARIKH PEL ANTIKAN

- 1 Julai 2018

KELAYAKAN

- Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi dari University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi dari Universiti Malaya

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Amanah Saham Nasional Berhad dan Sime Darby Property Berhad

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Pengerusi Bersama, Lembaga Gabenor Asia School of Business, yang ditubuhkan dengan kerjasama MIT Sloan
- Anggota Majlis Penasihat Kerajaan mengenai reformasi institusi dan struktur dalam negara.

PENGALAMAN KERJA

Tan Sri Dr Zeti dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan PNB pada 1 Julai 2018. Sebelum pelantikannya, Tan Sri Dr. Zeti pernah berkhidmat sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia dari Mei 2000 hingga April 2016. Beliau memainkan peranan yang penting dalam mengurus resolusi sistem kewangan pada tahun 1998 semasa krisis kewangan Asia dan pemulihan ekonomi Malaysia yang kukuh. Beliau juga berperanan penting dalam mentransformasikan sistem kewangan Malaysia, termasuk mengawasi enakmen 12 buah undang-undang baharu untuk sektor kewangan. Dalam tempoh ini, sistem kewangan Malaysia juga menjalani tempoh liberalisasi progresif.

Di Asia, Tan Sri Dr. Zeti aktif dalam mengukuhkan kerjasama dan integrasi kewangan serantau. Pada tahun 2006, beliau mempengerusikan pasukan petugas serantau yang menyediakan laporan untuk hala tuju masa depan kerjasama kewangan bank pusat di rantau Asia Timur. Di Bank for International Settlements (BIS), beliau adalah Pengerusi bagi Kumpulan Urus Tadbir Korporat Bank Pusat BIS. Di rantau ini, beliau juga merupakan ahli pengasas Majlis Perundingan Asia BIS, dan juga merupakan pengerusi bersama pertama Kumpulan Majlis Perunding Serantau Lembaga Kestabilan Kewangan Kumpulan untuk Asia. Tan Sri Dr. Zeti juga mempunyai peranan meluas dalam pembangunan kewangan Islam global, dan aktif dalam agenda kemasukan kewangan global. Beliau telah menjadi suara penting bagi dunia yang baru muncul dalam banyak isu mengenai sistem kewangan antarabangsa dan pengurusan kewangan dan ekonomi.

Dato' Abdul Rahman Ahmad

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



PENGALAMAN KERJA

Dato' Abdul Rahman dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 1 Oktober 2016. Beliau adalah bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Ekuinas Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah firma ekuiti swasta berkaitan Kerajaan. Sebelum menyertai Ekuinas, Dato Abdul Rahman adalah Pengarah Urusan Kumpulan (GMD)/CEO Media Prima Berhad, kumpulan pelaburan media bersepadu terkemuka di Malaysia dan GMD/CEO di Malaysian Resources Corporation Berhad, sebuah konglomerat terkemuka di Malaysia.

JAWATAN

- Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

UMUR

- 49

TARIKH PELANTIKAN

- 1 Oktober 2016

KELAYAKAN

- MA (Kepujian) dalam Ekonomi dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ahli Institut Akauntan Berkanun di England & Wales (ICAEW)
- Akauntan Bertauliah Malaysia dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Velesto Energy Berhad (dahulunya dikenali sebagai UMW Oil & Gas Corporation Berhad)
- Amanah Saham Nasional Berhad dan Pelaburan Hartanah Nasional Berhad

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Pemegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL)

Datuk Ahmad Badri Mohd. Zahir



JAWATAN

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

UMUR

- 58

TARIKH PELANTIKAN

- 1 Januari 2019

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hull, United Kingdom
- Diploma Lanjutan dalam bidang Pengurusan Hartanah dari Institut Teknologi MARA (ITM)

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Tenaga Nasional Berhad dan Danainfra Nasional Berhad

PENGALAMAN KERJA

Datuk Ahmad Badri telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019. Beliau merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan pada 12 September 2018, selepas berkhidmat sebagai pegawai kerajaan selama 29 tahun bermula sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomat pada 1 Ogos 1989.

Datuk Ahmad Badri memiliki pengalaman luas dalam bidang pengurusan ekonomi dan kewangan menerusi pengalaman berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Pengarah Pejabat Belanjawan Negara, Setiausaha Bahagian Jabatan Pelaburan Strategik dan Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pinjaman, Jabatan Pasaran Kewangan dan Aktuari.

Tan Sri Datuk Zainun Ali



JAWATAN

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

UMUR

- 66

TARIKH PELANTIKAN

- 1 Januari 2019

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) (Cantab) dari University of Cambridge, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) dari Universiti Malaya

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengerusi Malaysia Airports Holdings Berhad

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Ahli Lembaga Penasihat Rangkaian Integriti Kehakiman Global Bangsa-bangsa Bersatu

PENGALAMAN KERJA

Tan Sri Datuk Zainun telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019, setelah berkhidmat dengan Kerajaan dalam pelbagai jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sejak 1976. Selepas berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian termasuk perkhidmatan beliau sebagai Pendaftar Syarikat dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, beliau telah dilantik pada tahun 1996 sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Beliau kemudiannya dilantik sebagai anggota kehakiman Mahkamah Rayuan dan kemudiannya pada tahun 2012 sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Beliau mempelajari Undang-Undang di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) dengan kepujian dan selepas itu memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM) (Cantab) dari Universiti Cambridge, United Kingdom.

Datuk Dr. Mohd Yaakub Haji Johari



JAWATAN

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

UMUR

- 63

TARIKH PEL ANTIKAN

- 1 Januari 2017

KELAYAKAN

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Sosiologi dari University of Salford, United Kingdom
- Sarjana Sains (Pengajian Liberal) dari University of Manchester, United Kingdom
- Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Sussex, United Kingdom

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Suria Capital Holdings Berhad

PENGALAMAN KERJA

Datuk Dr. Mohd Yaakub memulakan kerjaya sebagai pensyarah sambilan dalam Sains Politik di Institut Teknologi MARA dan pada 1983 beliau menyertai Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Sabah sebagai Penolong Pengarah (Kajian dan Perundingan) di Jabatan Ketua Menteri. Beliau dilantik sebagai Penolong Pengarah Utama (Pembangunan Pengurusan) pada 1984. Beliau kemudiannya menyertai Institut Pengajian Pembangunan, Sabah (IDS), badan pemikir rasmi Negeri Sabah sebagai Pengarah Bersekutu (Hal Ehwal Masyarakat) pada 1985 dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Eksekutif/Felo Penyelidikan Kanan antara 1991 dan 1994. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Eksekutif IDS selama 15 tahun dari 1994-2009 sebelum dilantik sebagai Ketua Eksekutif Majlis Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) pada tahun 2009.

Datu Haji Soedirman Haji Aini



JAWATAN

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

UMUR

- 63

TARIKH PELANTIKAN

- 1 Januari 2017

KELAYAKAN

- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (UK)
- Akauntan Bertauliah Malaysia dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Menghadiri Program Dasar Ekonomi Makro dan Pengurusan, Harvard University

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Sarawak Concrete Industries Berhad, Amanah Saham Sarawak Berhad, Sara Worldwide Vacations Berhad dan Damai Golf & Country Club Berhad

PENGALAMAN KERJA

Datu Haji Soedirman memulakan kerjaya dengan Petroliam Nasional Berhad pada 1982. Selepas berkhidmat selama 13 tahun, beliau telah meletakkan jawatan pada 1995 untuk menyertai Kerajaan Negeri Sarawak.

Jawatan terakhir beliau dalam Kerajaan Negeri Sarawak adalah sebagai Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) sebelum bersara pada 31 Disember 2018. Tugas beliau dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Sarawak termasuk sebagai Setiausaha Tetap kepada Menteri Pembangunan Sosial, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Setiausaha Tetap kepada Menteri Pembangunan Perindustrian, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri dan Ketua Akauntan Negeri. Antara November 2002 dan September 2003, beliau telah dipinjamkan kepada Amanah Saham Sarawak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood



JAWATAN

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

UMUR

- 62

TARIKH PELANTIKAN

- 1 Januari 2019

KELAYAKAN

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Amanah Saham Nasional Berhad, United Malacca Berhad dan Axiata Group Berhad

PENGALAMAN KERJA

Dato Dr. Nik Ramlah dilantik menyertai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 dan ASNB pada 1 Januari 2017. Beliau bersara dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada Mac 2016 setelah berkhidmat selama 23 tahun dengan memegang pelbagai jawatan daripada Pengurus untuk Pembaharuan Undang-undang kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif. Sepanjang khidmatnya di SC, Dato Dr. Nik Ramlah telah terlibat secara langsung dalam kebanyakan bidang pembangunan dan kawal selia pasaran modal, memberi bimbingan strategik dan undang-undang dalam pembangunan produk dan pasaran, pasaran bon, pengurusan dana tadbir urus korporat dan Kewangan Islam. Sebelum menyertai SC, Dato Dr. Nik Ramlah merupakan Profesor Bersekutu di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya di mana beliau turut berkhidmat sebagai Timbalan Dekan.

Dato' Johan Ariffin



JAWATAN

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

UMUR

- 59

TARIKH PELANTIKAN

- 1 Januari 2019

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana dari University of Miami, Coral Gables, Florida, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dari Indiana University, Bloomington Indiana, Amerika Syarikat

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Pengurus Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, Syarikat Kumpulan Mitraland dan Maybank Cambodia PLC
- Sime Darby Property Berhad, Etiqa General Insurance Berhad (dahulunya dikenali sebagai Etiqa Insurance Berhad), Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad (dahulunya dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad), Etiqa General Takaful Berhad dan Maybank Ageas Holdings Berhad

PENGALAMAN KERJA

Dato' Johan memulakan kerjaya di jabatan harta tanah di Citibank. Beliau kemudiannya memegang pelbagai jawatan kanan dalam beberapa syarikat subsidiari milik syarikat-syarikat awam yang tersenarai dan pada masa yang sama berjaya menujuhan syarikat perundingan pemasaran dan pengiklanan, dan pembangunan harta tanahnya sendiri. Beliau kemudian mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum berpindah untuk mengetuai TTDI Development Sdn Bhd sehingga Januari 2009. Beliau turut menyumbang khidmatnya sebagai Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad selama sembilan tahun sehingga April 2018.

Pengurusan Kanan

Dato' Mohd Nizam Zainordin

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



Hanizan Hood

Ketua Pegawai Pelaburan

Dato' Abdul Rahman Ahmad

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



Rizal Rickman Ramli

Naib Presiden Eksekutif, Harta/Hartanah



Datin Paduka Kartini

Haji Abdul Manaf

Timbalan Presiden, Pelaburan Strategik

Mohammad Hussin

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

Dato' Abdul Rahman Ahmad**JAWATAN**

Presiden & Ketua Eksekutif

**Sila rujuk muka surat 23****Datin Paduka Kartini Haji Abdul Manaf****JAWATAN**

Timbalan Presiden, Pelaburan Strategik

**UMUR**

- 57

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Ohio University, Amerika Syarikat
- Diploma Pengajian Perbankan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Chemical Company of Malaysia dan UMW Holdings Berhad

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Perancang Kewangan Bertauliah (CFP)
- Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL)

PENGALAMAN KERJA

Datin Paduka Kartini menyertai PNB pada tahun 1983. Sepanjang kerjaya beliau selama 30 tahun dengan PNB, beliau telah memegang pelbagai jawatan dan terlibat dalam pelbagai aspek pengurusan pelaburan dan kewangan korporat, termasuk penggabungan dan pengambilalihan, penstrukturkan korporat, pengurusan portfolio, pelaburan hartanah dan pembangunan perniagaan.

Dato' Mohd Nizam Zainordin

JAWATAN

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



UMUR

- 56

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Asian Institute of Management
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia
- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)

KEAHlian LEMBAGA PENGARAH

- Sime Darby Plantation Berhad

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Perancang Kewangan Bertauliah (CFP)

PENGALAMAN KERJA

Dato' Mohd Nizam memulakan kerjaya beliau dengan Sime Darby sebagai Akauntan sebelum menyertai PNB pada tahun 1994 sebagai Penolong Pengurus, Kewangan & Pentadbiran. Sepanjang perkhidmatan beliau selama 25 tahun di PNB, beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam jabatan kewangan, teknologi maklumat, operasi unit amanah, dan pemprosesan pelaburan.

Hanizan Hood

JAWATAN

Ketua Pegawai Pelaburan



UMUR

- 45

KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Northwestern University, Amerika Syarikat
- Diploma Lepasan Ijazah dalam Kewangan Gunaan & Pelaburan dari Financial Services Institute of Australasia

KEAHlian LEMBAGA PENGARAH

- Tiada

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School
- Pengurus Risiko Profesional Bertauliah
- Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL)

PENGALAMAN KERJA

Kerjaya 22 tahun Hanizan di PNB bermula sebagai pelatih pengurusan pada bulan Disember 1996. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan pada 1 Januari 2019 untuk mengambil alih kepimpinan bagi semua unit operasi dalam unit perniagaan strategik Pengurusan Aset.

Rizal Rickman Ramli**JAWATAN**

Naib Presiden Eksekutif, Harta/Hartanah

**UMUR**

- 41

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan - Kewangan & Operasi, Kellogg School of Management, Northwestern University, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi, University of Chicago, Amerika Syarikat

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Sime Darby Property Berhad dan Velesto Energy Berhad (dahulunya dikenali sebagai UMW Oil & Gas Corporation Berhad)

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Mentor bersama Endeavor Malaysia

PENGALAMAN KERJA

Rick Ramli berkhidmat sebagai Naib Presiden Eksekutif, Harta/Hartanah yang bertanggungjawab mengawasi semua operasi perniagaan PNB yang berkaitan dengan pelaburan dan operasi harta dan hartanah. Ini termasuk aktiviti bank tanah, projek pembangunan, hartanah pelaburan teras, hospitaliti, aset pemulihan, dan pengurusan kemudahan. Sebelum menyertai PNB, Rick merupakan Rakan Kongsi Pengurusan Negara bagi Boston Consulting Group (BCG) di Malaysia dan turut berkhidmat sebagai Pengerusi Insan untuk BCG di Asia Tenggara.

Mohammad Hussin**JAWATAN**

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

**UMUR**

- 59

KELAYAKAN

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Cranfield University, United Kingdom
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dari University of Portland, Oregon, Amerika Syarikat

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH

- Amway (Malaysia) Holdings Berhad dan Persekutuan Pengurus-Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Pengamal Perhubungan Awam Bertauliah (APR) dari Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM)
- Perancang Kewangan Berdaftar, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC)

PENGALAMAN KERJA

Sebelum menyertai PNB, Mohammad berkhidmat di UMW Toyota Motor Sdn Berhad sebagai Pengurus Komunikasi Korporat dan sebelum itu sebagai Pembantu Khas kepada Pengarah Urusan di EON Bhd. Di PNB, beliau pernah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Jabatan Komunikasi. Beliau menyandang jawatan Naib Presiden Kanan Jabatan Pemasaran dan Operasi Cawangan sebelum dinaikkan pangkat ke jawatan terkini.

Eksekutif Utama

Pengurusan Aset



- 01 **MOHD HANIZ MOHD NAZLAN**
Naib Presiden, Jabatan Pelaburan
- 02 **LIM CHENG EAN**
Naib Presiden, Analisis Pelaburan
- 03 **ISMAIL NGAH RABU**
Naib Presiden, Operasi Pasaran
Ekuiti
- 04 **DR. KAMARUDDIN MOHD NOR**
Ketua Ahli Ekonomi, Ekonomi
- 05 **MOHAMAD ZUWAIRI ABD RAHMAN**
Naib Presiden, Dana ASB
- 06 **SUHAINI ABD RAHMAN**
Naib Presiden, Dana ASM
- 07 **ROSE ANITA JALIL**
Naib Presiden, Dana ASN
- 08 **NURHALINI AZLY MINHAT**
Naib Presiden, Dana Proprietari
- 09 **AHMAD FIRDAUS ABDULLAH**
Naib Presiden, Antarabangsa



Pelaburan Strategik

- 01 **MOHAMAD IDROS MOSIN**
Naib Presiden Kanan, Ekuiti Awam
- 02 **MOHD IRWAN AHMAD MUSTAFA**
Naib Presiden Kanan, Pelaburan Persendirian
- 03 **AMIZAR MIZUAR**
Naib Presiden, Ekuiti Awam
- 04 **NIK MYSHANI NIK MOHAMED**
Naib Presiden, Perkhidmatan Korporat
- 05 **FADZIHAN ABBAS MOHAMED RAMLEE**
Naib Presiden, Perancangan Korporat & Strategi
- 06 **MUAZZAM MOHAMAD**
Naib Presiden, Ekuiti Awam
- 07 **MOHD ZARIHI MOHD HASHIM**
Naib Presiden, Ekuiti Awam



Eksekutif Utama

Harta/Hartanah

- 01 **TENGKU DATO' AB. AZIZ
TENGKU MAHMUD**
Ketua Pegawai Eksekutif, PNB
Merdeka Ventures Sdn Berhad
- 02 **TUN ABDULL MUTALIB
TUN HASSAN**
Ketua Pegawai Operasi, PNB
Commercial Sdn Berhad
- 03 **HAFIDZ ATRASH KOSAI MOHD
ZHIM**
Ketua Pegawai Eksekutif, Pelaburan
Hartanah Nasional Berhad
- 04 **MAZUKI ABDULLAH**
Naib Presiden, Pengurusan
Pelaburan Hartanah
- 05 **YUZAIRI YUSSOFF**
Naib Presiden, Projek Khas Hartanah
- 06 **MOHD KAMIL IBRAHIM**
Penolong Naib Presiden, Pelaburan
Hartanah Global & Dana Pelaburan

**Unit Amanah**

- 01 **FAIRUZ SUZANA HJ
KAMARUDDIN**
Naib Presiden, Strategi Unit Amanah
& Pengurusan Produk
- 02 **MOHD RIDZA YAHYA**
Naib Presiden, Pengurusan &
Penyeliaan Cawangan
- 03 **MOHD AZUDDIN SHAM
ABDULLAH**
Naib Presiden, Operasi Unit Amanah
& Pentadbiran Rekod
- 04 **SITI NORILAH SHAMSUL BAHRI**
Naib Presiden, Pemasaran & Literasi
Kewangan
- 05 **MOHD YUSRI SURIP**
Naib Presiden, Pengurusan Ejen &
Perhubungan Pelanggan
- 06 **MOHD AZLAN MASOOD**
Naib Presiden, Penyelesaian
Perniagaan
- 07 **MOHD IKHRAM MOKHTAR**
Naib Presiden, Jualan & Pengurusan
Saluran

Korporat



- | | | |
|---|--|---|
| 01 ADIBAH KHAIRIAH ISMAIL @ DAUD
Setiausaha Syarikat Kumpulan | 03 AZIZ ANUAR
Naib Presiden Kanan, Hal Ehwal Korporat & Komunikasi | 05 MUZZAFFAR OTHMAN
Ketua Pegawai Teknologi |
| 02 KAMARUL BAHARIN MOHD DAUD
Naib Presiden Kanan, Pematuhan & Integriti | 04 AIDA MD DAUD
Naib Presiden Kanan, Modal Insan | |



- | | | | |
|--|--|---|--|
| 06 SUZANA AHMAD
Ketua Pegawai Risiko | 07 RIZIANA HANIM JAMEL
Naib Presiden, Kewangan | 08 HARTINI ZAINAL ABIDIN
Naib Presiden, Perundungan | 09 DR. AHMAD BASRI IBRAHIM
Ketua, Pengurusan Syariah |
|--|--|---|--|



TAN SRI DR ZETI AZIZ
GROUP CHAIRMAN



“

“Persekutaran masa hadapan akan menjadi jauh berbeza. Ia akan makin mencabar, lebih tidak stabil, lebih rumit, saling berkait dan disruptif.

Ini bermakna **PNB perlu bersedia menghadapi perubahan besar yang mungkin akan berlaku pada masa hadapan. Membina penampang dan memastikan portfolio yang lebih pelbagai akan dapat menangani sebahagian cabaran-cabaran ini.**”

Tan Sri Dr. Zeti Aziz

Pengerusi Kumpulan PNB

Majlis perasmian biografi korporat PNB, “In Trust: A History of PNB”

Perutusan Pengerusi Kumpulan

Para Pemegang Unit
Amanah yang dihormati,
 Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Permodalan Nasional Berhad 2018. Di sini kami menyediakan tinjauan menyeluruh prestasi kewangan dan perniagaan sepanjang tahun 2018 beserta tinjauan kemajuan yang dicapai dalam strategi kami untuk meningkatkan keberkesanan organisasi..



Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar dengan pelbagai rintangan luaran yang menjelaskan pertumbuhan ekonomi global dan mempengaruhi pasaran kewangan. Di sebalik kesukaran ini, PNB telah berjaya mengekalkan prestasinya. Aset di Bawah Pengurusan kami meningkat sebanyak 6.9% kepada RM298.5 bilion, berbanding RM279.2 bilion pada 2017 didorong oleh pertumbuhan yang kukuh unit dalam edaran daripada 219.3 bilion kepada 236.6 bilion, iaitu kadar pertumbuhan sebanyak 7.9%, dengan sejumlah 13.8 juta akaun melabur dalam 14 unit dana unit amanah kami. Pendapatan bersih proforma PNB yang digabungkan

serentak kekal stabil pada RM17.0 bilion pada 2018, berbanding RM17.7 bilion pada tahun sebelumnya. Meskipun demikian, kami berjaya mengagihkan jumlah RM15.0 bilion pengagihan pendapatan dan bonus bagi tahun 2018.

Dari segi penawaran produk PNB, kami telah menamakan semula dana unit amanah berharga tetap untuk memberi pemahaman yang mudah dan jelas disamping turut menjenama dan menyusun semua dana unit amanah harga berubah kepada tiga kategori yang berbeza. Bagi memenuhi keperluan pelabur yang berbagai. PNB juga telah berjaya melancarkan dua dana harga



Aset di Bawah Pengurusan

**RM298.5
bilion**

RM279.2 bilion pada 2017



melancarkan dua dana harga berubah baharu,

**ASN Equity 5 dan
ASN Sara 2**



berubah baru, ASN Equiti 5 dan ASN Sara 2 iaitu dana harga berubah diperkenalkan selepas yang terdahulu hampir 15 tahun lalu. Ia telah bermula dengan baik, dengan lebih daripada 800 unit telah dijual sehingga akhir 2018.

PNB juga telah bekerja keras untuk meluaskan capaiannya, berhubung dengan pemegang-pemegang unit amanah secara digital menerusi portal dalam talian, myASNB yang dipertingkatkan. Portal ini kini mencatatkan sejuta pelanggan berdaftar. Ditambah pula dengan peningkatan penggunaan portal milik ejen, jualan dalam talian telah melepas paras RM3 bilion pada 2018. Kini pemegang unit amanah juga boleh melakukan urus niaga dalam talian pada masa sebenar menerusi Maybank2u, dan juga transaksi di mesin-mesin juruwang automatik (ATM) Maybank. Walaupun projek ini masih di peringkat permulaan, kami percaya ia akan meningkatkan saling hubungan ASNB dan para pemegang unitnya walaupun di mana jua.

Pulangan PNB bagi tahun kewangan ini dijana daripada portfolio pelaburan yang dipelbagaikan merangkumi pelbagai kelas aset dan geografi. Sejak ditubuhkan, ekuiti awam telah menjadi kelas aset PNB yang terbesar. Dalam portfolio ekuiti awam domestik,

pegangan ketara kami adalah dalam 10 syarikat strategik, dan juga dalam syarikat teras. Oleh itu, PNB merupakan pelabur institusi utama dalam pasaran saham domestik, mewakili kira-kira 10 peratus daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia. Menyedari ini, kami telah meningkatkan penglibatan ke dalam pasaran ekuiti awam antarabangsa, dana proprietari kami telah mendapat pendedahan dalam pasaran ekuiti awam antarabangsa selama hampir dua dekad. Baru-baru ini, dana amanah baru kami telah menyalurkan dana ke luar negara dan sehingga kini lebih RM2 bilion telah dilaburkan di pasaran saham antarabangsa sepanjang 2018.

Selain ekuiti awam, tempoh portfolio kami turut meliputi pelaburan ekuiti persendirian yang mengambil kira horizon pelaburan jangka sederhana hingga panjang. Di samping itu, pelaburan dalam harta tanah, yang bertujuan untuk menyediakan sumber pendapatan berulang menerusi hasil sewaan. Pada masa hadapan, kami akan terus berusaha meningkatkan peruntukan ke dalam kelas-kelas aset ini, dan instrumen berpendapatan tetap. Pengurusan kecairan akan turut dipertingkatkan bagi mengurangkan pegangan tunai di luar keperluan bagi memenuhi keperluan mudah tunai kami. Kepelbagaian dalam tempoh ketidaktentuan pasaran menjadi

Tan Sri Dr. Zeti Aziz

Pengurus Kumpulan PNB

Perutusan Pengurus Kumpulan

semakin penting memandangkan kelas aset dan pasaran yang berbeza, masing-masing memiliki penggalak dan faktor risikonya sendiri, justeru memberikan pulangan bebeza.

Perkembangan dunia sepanjang 2018 adalah amat tidak sekata. Amerika Syarikat (AS), berkembang dengan pesat, manakala negara-negara dengan ekonomi yang maju serta ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang sederhana. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula berkembang pada purata 4.7% pada tahun kewangan ini, berbanding 5.9% pada 2017. Pada masa sama, dasar normalisasi kewangan di AS telah mempengaruhi aliran keluar dana asing dari pasaran baru, manakala kebimbangan terhadap harga minyak, meningkatkan ketegangan perdagangan dan perkembangan geopolitik telah menjelaskan sentimen dalam pasaran kewangan. Peningkatan ketidakpastian menyaksikan pasaran saham global ditutup rendah tahun ini. Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia KL turun sebanyak 5.9% kejatuhan mendadak berbanding keuntungan yang dibuat oleh ekuiti awam pada 2017.

Harga komoditi juga turun-naik dengan ketara pada 2018. Harga minyak mentah jatuh dalam tempoh dua bulan terakhir tahun berkenaan, manakala harga minyak sawit mentah (CPO) mengalami aliran menurun sepanjang tahun ini, sehingga mencecah paras terendah iaitu kurang daripada RM2,000 setan metrik. Selari dengan mata wang serantau, nilai Ringgit menurun berbanding dolar AS manakala kadar dasar semalam ditutup pada 3.25% selepas mencatat satu kali kenaikan pada permulaan tahun ini. Pulangan yang dijana daripada portfolio pelaburan kami pada 2018, dengan itu mencerminkan faktor ekonomi dan pasaran semasa yang memacu prestasi kelas aset yang berbeza sepanjang tahun 2018.

Pertumbuhan PNB yang berterusan sepanjang empat dekad yang lalu dimungkinkan menerusi kepercayaan yang diberikan oleh berjuta rakyat Malaysia. Amanah ini diberikan kepada PNB sejak 1981 yang bukan hanya menjana pulangan konsisten dan mampan, juga sebagai refleksi kepada nilai-nilai yang dipegang sejak penubuhannya untuk terus berusaha mencapai standard kecemerlangan dan integriti tahap tertinggi. Selain itu, warga kerja yang mengemudi PNB sentiasa bersikap profesional dan disokong oleh Lembaga Pengarah yang mantap dan berpengalaman luas. Kami sentiasa bertindak sebagai satu fidusiai, yang memberi keutamaan kepada kepentingan pemegang unit dalam apa juar yang kami lakukan dan berpegang kepada standard


pengawasan tertinggi dalam setiap aspek operasi kami. Kami berusaha untuk melaksanakannya dalam dekad-dekad yang akan datang, untuk terus memegang amanah yang diberikan oleh para pemegang unit.

Kami juga berhasrat untuk terus mendukung standard ini dalam syarikat-syarikat strategik dan teras kami, memandangkan kedudukan unik sebagai pelabur jangka panjang. Keutamaan kami adalah untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat strategik untuk mengukuhkan potensi penciptaan nilai dan memantapkan daya tahan mereka. Harapan kami supaya syarikat strategik dan teras kami kekal fokus dengan keupayaan yang dimiliki, dan pada masa sama mengenal pasti keperluan untuk



mempunyai misi jauh ke hadapan bagi memberi maklum balas terhadap lanskap perniagaan dan keperluan pelanggan yang semakin berubah, selain membina visi perniagaan untuk mencapai apa yang dicita-citakan.

Syarikat strategik dan teras kami juga perlu meningkatkan keupayaan institusi masing-masing bagi memastikan mereka boleh terus memberi dan mengembangkan pendapatan, serta membina daya tahan yang mencukupi untuk menghadapi ketidaktentuan kitaran perniagaan dan ekonomi. Ini bagi memastikan prestasi yang lebih mampan. Setiap aspek operasi mereka seharusnya disandarkan kepada penanda aras yang terbaik untuk memastikan mereka sentiasa berada di hadapan berbanding pesaing dalam industri masing-masing.



Mereka juga seharusnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan berdaya saing, termasuk memanfaatkan perkembangan digital dan teknologi dengan sepenuhnya. Yang terakhir, mereka seharusnya memberi keutamaan kepada tadbir urus terbaik-dalam-kelasnya. Berpegang kepada standard tadbir urus standard tertinggi bukan hanya mengukuhkan akauntabiliti dan integriti, tetapi juga mengoptimumkan struktur organisasi untuk berfikir secara strategik dan membuat keputusan di semua peringkat. Inilah yang diperlukan untuk kejayaan jangka panjang.

PNB sentiasa meninjau potensi masa hadapannya, dan pada masa yang sama kami perlu mengenal pasti beberapa perkembangan utama geopolitik dan sosioekonomi dalam skala global yang memberikan impak terhadap persekitaran kewangan dan ekonomi di mana kami beroperasi. Pada masa ini, kita berada pada tahap ketidaktentuan yang semakin meningkat, yang mana pengalaman lalu tidak boleh dijadikan panduan untuk masa hadapan. Walaupun sejarah memberi pengajaran penting kepada kita, kita perlu berhati-hati supaya tidak terjebak ke dalam perangkap yang memperlhatkan masa lalu dari masa kini ke masa hadapan memandangkan banyak perubahan struktur asas yang berlaku di dunia. Persekitaran global juga saling berkait dan bergantungan. Sebagai sebuah ekonomi terbuka dan dengan liberalisi sistem kewangan, kami akan terus terkesan oleh perkembangan serantau dan global.

Perkembangan selanjutnya adalah gangguan kepada semua industri dalam skala besar-besaran yang disebabkan oleh kemajuan teknologi dan pendigitalan. Kami perlu bersiap sedia untuk memanfaatkan gangguan baharu teknologi ini dan memastikan bahawa kami mampu mengemudi gelombang perubahan ini. Inilah masanya nilai-nilai dan keupayaan teras kami bukan hanya mampu bersaing, tetapi turut dapat menjangka perubahan ini dan yang penting ia akan memberi kesan terhadap cara kami dan syarikat-

syarikat kami beroperasi. Akhirnya, kita kini hidup dalam dunia era maklumat yang mana apa jua yang kami lakukan akan diteliti pada tahap tertinggi oleh pihak-pihak berkepentingan. Kami seharusnya melihat perkara sebegini sebagai perkembangan positif. Ketulusan yang kian meningkat, akan mendorong kepada tahap kebertanggungjawaban yang lebih besar dalam setiap aspek operasi kami. Sehubungan dengan itu, adalah amat penting untuk kami memberi tindak balas secara efektif dan tegas terhadap cabaran-cabaran ini dengan terus-menerus melaksanakan proses pembaharuan dan transformasi organisasi.

Bidang tumpuan yang penting pada ketika ini adalah untuk membina daya tahan organisasi. Kami bukan sahaja mahu memberikan prestasi tinggi pada masa yang baik, tetapi lebih penting adalah untuk mengekalkan prestasi kami dalam tempoh yang sukar, serta dapat bertahan dengan gangguan dan cabaran sementara serta muncul lebih kuat. Daya tahanlah yang membuka peluang kepada kami untuk melabur dalam jangka panjang, dan memegang kukuh kepada nilai asas portfolio pelaburan ketika kami berada dalam keadaan untuk mengumpul keuntungan masa hadapan serta bersiap sedia dengan penampang yang mencukupi untuk dibina pada waktu yang baik untuk berdepan dengan situasi sukar. Pada ketika inilah, pengurusan risiko efektif menjadi sangat penting. Kami juga perlu menanda aras PNB berbanding institusi pelaburan terbaik dunia, mengenal pasti jurang yang perlu dirapatkan jika kami benar-benar mahu menjadi firma pelaburan distinktif bertaraf dunia.

Yang terakhir, PNB perlu memberi tumpuan untuk membina keupayaan organisasi. Ini melibatkan pengukuhan berterusan tadbir urus bagi memastikan struktur pembuat keputusan yang optimum, dengan Lembaga Pengarah berperanan penting untuk membimbing hala tuju organisasi, selain turut menyediakan pesanan

Perutusan Pengurus Kumpulan



yang jelas dalam semak dan imbang. Di samping itu penglibatan aktif pihak pengurusan dengan pihak berkepentingan dan syarikat-syarikat strategik penting untuk memperjelaskan aspirasi kami dan menerima maklum balas berguna tentang prestasi organisasi. Satu lagi elemen penting dalam membina keupayaan organisasi sudah pastinya melabur untuk melahirkan bakat yang diperlukan. Modal insan merupakan komponen penting bagi memastikan kami terus mencatat pertumbuhan dan kejayaan. Oleh itu, kami perlu memastikan kami mampu menarik dan membangunkan bakat baharu dengan kemahiran, sifat dan kecekapan yang sewajarnya seperti mana yang diperlukan PNB jika kami mahu berjaya menempuh cabaran masa hadapan. Warga kerja kami, dengan latihan, pendedahan dan bimbingan yang mencukupi, akan mampu untuk mengisi jawatan kritikal dalam kepimpinan dan perniagaan pada ketika kami mara ke hadapan.

PNB menyedari bahawa bukan mudah untuk menangani semua cabaran ini. Walau bagaimanapun, kami bertekad untuk melaksanakannya dengan memberi tumpuan kepada lima perkara utama bagi tahun 2019. Pertamanya, sebaik tiba di pertengahan tempoh pelaksanaan Pelan Strategik PNB 2017-2022, kami akan mengendalikan Kajian Separuh Penggal bagi pelan tersebut. Tiga tumpuan utama kajian ini adalah peruntukan aset strategik dan pengurusan tunai optimum, pengurusan risiko dan transformasi organisasi. Metodologi kajian ini termasuk analisis menyeluruh jurang kekurangan dan penandaaranan terhadap pesaing global kami, adalah sebahagian daripada proses ini.

Yang kedua, kami akan memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan kepelbagaian portfolio pelaburan di pasaran domestik dan global, memandangkan pentingnya kelas aset berbeza dan kepelbagaian geografi seperti yang disebutkan sebelum ini. Ketiga,

untuk mencapai jangkaan yang telah kami nyatakan untuk syarikat-syarikat strategik dan teras, PNB akan terus bekerjasama dengan syarikat strategik kami. Kami juga akan memperkuuhkan penglibatan kami dengan syarikat-syarikat teras bagi mencari jalan untuk meningkatkan potensi mereka.

Yang keempat, dengan memberi sepenuh perhatian terhadap gangguan digital yang berlaku, kami akan terus membina apa yang telah dicapai sejak dua tahun kebelakangan ini bagi menyediakan lebih banyak penawaran digital kepada pemegang unit. Kami percaya bahwa dengan memanfaatkan perkembangan digital bagi meningkatkan semua aspek pengalaman urus niaga pelanggan kami, kami akan berusaha untuk perolehi beberapa cara lain bagi memenuhi jangkaan pemegang unit untuk akses dan keselesaan yang didayakan secara digital. Akhir sekali, PNB akan meningkatkan penglibatannya dengan pemegang unit menerusi kaedah komunikasi dan

aktiviti, khususnya dalam meningkatkan keupayaan celik kewangan mereka. Kami mahu pemegang unit memiliki kefahaman yang kukuh tentang risiko yang terlibat dalam pelaburan dan faktor-faktor yang mempengaruhi potensi pulangan mereka, serta menghargai kepentingan melabur secara konsisten untuk jangka panjang. Juga mengenai pelbagai instrumen yang ada dan keperluan mengambil kira objektif pelaburan dan tahap selera risiko mereka.

Yang terakhir, PNB berusaha untuk mempertahankan legasi kepimpinan yang mengawasikekayaan berjuta-juta rakyat Malaysia, melindungi pelaburan mereka dan menjana pulangan konsisten lagi mapan yang telah dialami sejak empat dekad yang lalu. Segala ini berlaku hasil daripada komitmen berterusan generasi warga kerja kami selama bertahun-tahun dalam menegakkan nilai-nilai asas institusi ini serta keikhlasan dan kecemerlangan. Oleh itu, kami bertekad untuk meneruskan perjalanan transformasi kami bagi memenuhi potensi menjadi firma pelaburan distinktif bertaraf dunia, mampu bertahan dengan kukuh tidak kira ketika berada di puncak atau ketika berada di bawah kitaran ekonomi, di samping menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi.

Paling penting daripada semua ini, PNB akan sentiasa mengekalkan satunya matlamat jelas penubuhannya untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia. Kami bertekad untuk mencapai mandat menjana pulangan mampan, dan akan sentiasa bertindak demi kepentingan pemegang unit dalam segala yang kami lakukan.

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB yang telah bersara sepanjang tahun ini: Pengerusi terdahulu, Tan Sri Abdul Wahid Omar, dan juga Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, Tan Sri Zarina Anwar, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, dan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Idris Kechot, bekas Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, Pengurusan Aset PNB, yang bersara pada 1 Januari 2019. Terima kasih untuk 34 tahun perkhidmatan dan sumbangan besar kepada Kumpulan PNB. Kami mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan penyertaan Hanizan Hood, Ketua Pegawai Pelaburan PNB yang baru.

Kami juga mengalu-alukan penyertaan ahli-ahli baharu Lembaga Pemegang Amanah YPB: Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Yang Berbahagia Tan Sri Haji Ambrin Buang. Dan juga ahli-ahli Lembaga Pengarah PNB yang baharu: Datuk Ahmad Badri Mohd. Zahir, Tan Sri Datuk Zainun Ali, Dato Dr Nik Ramlah Nik Mahmood and Dato' Johan Ariffin, serta Datuk Mohd. Anwar Yahya, yang telah menyertai Lembaga Pengarah ASNB.

Penghargaan dan ucapan ikhlas daripada kami kepada semua ahli Lembaga Pengarah YPB, PNB, ASNB, ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa, ahli Lembaga, pengurusan kanan dan kakitangan syarikat-syarikat strategik PNB, pengawal selia, agensi kerajaan dan semua kakitangan profesional Kumpulan PNB yang telah bekerja keras. Terima kasih semua atas dedikasi dan usaha anda.

Akhir kata, kepada pemegang unit, kami mengucapkan terima kasih atas keyakinan dan kepercayaan yang anda telah berikan kepada PNB. Kami sentiasa berikhtiar untuk memenuhi cabaran semasa dan masa hadapan, dan akan berusaha memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu yang berinovasi, bagi meningkatkan keupayaan untuk mencapai matlamat kewangan anda.

Tan Sri Dr. Zeti Aziz

Ulasan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Kepada Pemegang-pemegang unit,

Saya dengan sukacitanya membentangkan ulasan prestasi kewangan dan operasi PNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 (TK2018).

Ulasan Prestasi 2018


Selepas prestasi yang kukuh pada 2017, Malaysia mengalami persekitaran ekonomi yang tidak menentu pada 2018, dicetuskan oleh ketegangan perdagangan global yang kian meningkat, diikuti tindakan mengetarkan kadar faedah oleh Amerika Syarikat dan seterusnya pasaran kewangan dan harga komoditi yang mencabar. Namun, PNB terus mengembangkan aset di bawah pengurusannya (AUM) sebanyak 6.9% kepada RM298.5 bilion, yang terdiri daripada RM46.9 bilion dana proprietari milik PNB, manakala RM251.6 bilion adalah pelaburan pemegang unit dalam 14 tabung unit amanah PNB.

Pertumbuhan AUM kami disokong oleh dana unit amanah kami, yang menyaksikan unit dalam edaran meningkat sebanyak 7.9% kepada 236.6 bilion unit, manakala jumlah akaun meningkat daripada 13.2 juta kepada 13.8 juta akaun. Ini sudah semestinya mencerminkan kepercayaan dan keyakinan pemegang unit terhadap keupayaan PNB untuk memberikan pulangan yang mampu dalam tempoh jangka panjang.

Meskipun dalam persekitaran yang mencabar, PNB turut mampu mengekalkan prestasi kewangannya bagi TK2018, mencatatkan pendapatan kasar proforma yang digabungkan sebanyak RM20.3 bilion dan pendapatan bersih sebanyak RM17.0 bilion. Walau bagaimanapun, Pulangan atas Aset PNB jatuh kepada 6.0% pada 2018 berbanding 6.7% pada 2017, didorong oleh pulangan yang rendah dalam hampir semua kelas aset.

Kami menyedari bahawa dana unit amanah kami, seperti juga dana amanah lain, tidak terkecuali daripada menerima kesan ketidaktentuan pasaran dan ekonomi.

Hasil Kasar Kumpulan Mengikut Kelas Aset



Dividen dan prestasinya bergantung kepada prestasi ekonomi dan pasaran yang lebih luas. Justeru, dana-dana dengan tahun kewangan pada separuh pertama tahun ini mencerminkan prestasi pasaran yang kukuh pada 2017. Sebagai contoh, ASM dan ASB 2, masing-masing mengagihkan pendapatan sebanyak 6.25 sen dan 6.75 sen seunit. Namun, peningkatan volatiliti telah menjelaskan prestasi pasaran saham tempatan pada separuh kedua 2018, di mana prestasi dana kami turut sama terjejas, dengan dana harga berubah seperti ASN mengakhiri tahun dengan jumlah pulangan yang negatif. Sementara itu, dana harga tetap utama kami, ASB telah mengagihkan jumlah yang lebih rendah sebanyak 6.50 sen seunit beserta agihan bonus sebanyak 0.50 sen seunit, lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya tetapi masih baik memandangkan persekitaran yang mencabar.

Adalah penting untuk diperhatikan secara mutlak, jumlah dividen yang diagihkan kepada semua pemegang unit pada 2018 iaitu sebanyak RM15.0 bilion merupakan jumlah terbesar pernah diagihkan sejak

penubuhan PNB. Besarnya pulangan yang kami jana untuk pemegang unit menyedarkan kami tentang tanggungjawab kami mengawasi lebih daripada RM252 bilion aset yang telah diamanahkan kepada kami. Disebabkan ini juga kami mengelak dari mengambil risiko berlebihan, dan terus berusaha untuk memastikan pulangan kami benar-benar mampu. Apabila pasaran tidak menentu dan pada aliran yang menurun, kami tidak mahu mengambil risiko yang tidak perlu atau merealisasikan posisi pelaburan sebelum matang untuk mendapatkan keuntungan jangka pendek dengan mengorbankan pulangan masa hadapan. Kami sebaliknya terus mengekalkan kedudukan mengikut horison pelaburan jangka panjang, dan juga mandat kami untuk melindungi nilai aset pemegang-pemegang unit kami, bermakna keuntungan kami juga tidak dapat mencerminkan sebahagian daripada turun naik jangka pendek pasaran. Tetapi kami yakin pemegang unit faham dengan perkara ini dan menghargainya bahawa hanya dengan melakukan sedemikian pulangan mereka dapat dikekalkan secara konsisten dan aset mereka terpelihara dalam jangka panjang.



**Apa yang lebih
penting, PNB tetap
dengan pendirian
kami sebagai -
pelabur jangka
panjang fokus untuk
memberi pulangan
mampan**

**Dato' Abdul
Rahman Ahmad**

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Perkembangan Terkini Pelan Strategik PNB

Pelaksanaan Pelan Strategik PNB 2017-2022 telah diteruskan pada 2018, dengan pelbagai inisiatif dilaksanakan sejajar dengan matlamat kami untuk menjadi firma pelaburan distinktif bertaraf dunia yang disegani dengan AUM sebanyak RM350 bilion menjelang 2022. Untuk ulangan: Teras 1 adalah tertumpu kepada meningkatkan pulangan mampan, Teras 2 berkisar kepada pengurusan pelaburan yang berkesan manakala Teras 3 tertumpu kepada memacu kecemerlangan operasi.



Mengoptimumkan Peruntukan Aset, Meningkatkan Pendedahan Kepada Ekuiti Persendirian dan Pendapatan Tetap, dan Menerokai Kepelbagaian Aset Global

Inisiatif utama di bawah Teras 1 adalah untuk mengoptimumkan peruntukan aset portfolio pelaburan kami. Setelah merumuskan Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik pada 2017, kami terus dengan berhati-hati melabur semula lebihan tunai ke dalam sekuriti pendapatan tetap dan aset global pada 2018, bagi mencapai sasaran peruntukan aset jangka panjang kami yang telah diluluskan. Pada 2018, peruntukan portfolio kami untuk aset global meningkat kepada 3.3% pada akhir 2018 berbanding 2.4% pada 2017, dengan kira-kira RM2 bilion dilaburkan di luar negara pada tahun berkenaan.

Kami akui bahawa kadar ini adalah lebih perlahan berbanding kadar yang telah kami rancang, memandangkan pendedahan antarabangsa kami masih jauh di bawah paras optimum. Pada 2018, kami tertekan dengan ketidaktentuan matawang, yang bermaksud bahawa ini bukanlah masa yang sesuai untuk kami melabur secara agresif. Untuk tahun-tahun yang akan datang, satu daripada keutamaan kami adalah untuk mempercepatkan kepelbagaian portfolio kami, yang mana kami berhasrat untuk meningkatkan peratusan pelaburan global secara ketara merentasi semua kelas aset. Walau bagaimanapun, kami akan melaksanakannya secara berhemah, bagi memastikan bahawa penggunaan yang telah kami rancang adalah bijak dan secara berperingkat dengan mengambil kira kemasukan ke pasaran yang betul dan peluang yang sesuai.

Kepelbagaian yang berterusan ini, beserta usaha kami untuk mengoptimumkan peruntukan aset, merupakan pemboleh utama bagi PNB untuk meningkatkan keupayaan kami untuk terus memberikan pulangan yang mampan, ini juga menjadi sebab mengapa pada 2019, kami menjadikan Peruntukan Aset Strategik dan Pengurusan Risiko Perniagaan sebagai dua daripada tiga bidang tumpuan kami di bawah Semakan Tempoh Pertengahan Pelan Strategik PNB.

Meningkatkan Prestasi Ekuiti Awam Domestik

2017 merupakan tahun yang amat baik untuk syarikat strategik kami, yang mana secara keseluruhannya, peningkatan permodalan pasaran hampir dua kali ganda berbanding Indeks KLCI FBM. Walau bagaimanapun, ini berbeza dengan 2018, di mana korporat Malaysia berdepan pelbagai cabaran, termasuk harga Minyak Sawit Mentah (MSM) yang rendah, penurunan mendadak harga minyak mentah dan pasaran harta tanah yang perlahan, menyaksikan permodalan pasaran syarikat-syarikat strategik kami menurun sebanyak RM16.9 bilion pada 2018. Ini bermakna bahawa syarikat-syarikat kami hanya mampu menyumbang semula hanya separuh daripada RM39.5 bilion keuntungan dalam permodalan pasaran yang dibuat pada 2017.

Begitu juga syarikat-syarikat teras PNB menyaksikan kejatuhan mendadak dalam permodalan pasaran masing-masing bagi tahun 2018, ketara terkesan oleh kedua-dua dengan teruk cabaran oleh pihak pengawalseliaan serta tekanan terhadap industri seperti minyak dan gas, telekomunikasi dan pembinaan. Syarikat berkenaan

		Perubahan Harga (%)	TSR (%)	Peningkatan dalam Permodalan Pasaran (RM bil)
Setakat 31 Dis 2018				
Maybank	Maybank	-3.1	+2.7	-0.7
	Sime Darby	+8.6	+11.9	+1.3
Plantation	Sime Darby Plantation	-20.7	-17.9	-8.4
Property	Sime Darby Property	-44.1	-41.9	-5.3
Setia	S P Setia	-41.8	-38.6	-2.9
UMW	UMW Holdings	+5.2	+6.0	+0.3
VELESTO energy	Velesto Energy	-41.0	-41.0	-1.0
ccm	CCM	-3.2	+0.2	-0.01
DUOPHARMA	Duopharma Biotech	-12.4	-9.5	-0.08
MNRB	MNRB	-46.0	-46.0	-0.02
Jumlah/Wajaran		-8.9	-4.5	-16.9
2017		+20.2	+26.0	+39.5
FBMKLCI		-5.9	-3.0	-23.5

terjejas dengan teruk berikut cabaran pihak pengawalseliaan serta tekanan terhadap industri seperti minyak dan gas, telekomunikasi dan pembinaan.

Ketidaktentuan dalam permodalan pasaran sepanjang tempoh yang agak singkat iaitu dua tahun menjadi peringatan mengenai kepentingan untuk mempunyai daya tahan jangka panjang ke dalam syarikat-syarikat strategik dan teras kami. Untuk mencapainya, adalah amat penting bagi PNB untuk memainkan peranan pengawasan yang lebih aktif dalam mengubah prestasi syarikat kami. Bagi tujuan ini, kami berjaya merumuskan Rangka Kerja Ekuiti Awam pada awal tahun ini untuk merangka dan menyusun pendekatan kami yang tertumpu kepada pegangan ekuiti awam dalam syarikat-syarikat strategik dan teras.

Bagi syarikat-syarikat strategik kami, tumpuannya kekal untuk meningkatkan pendapatan organik menerusi pelan penciptaan nilai yang jelas. Pada masa sama, kami terus menyokong pertumbuhan syarikat-syarikat ini dengan transaksi ketara melibatkan modal semula MNRB Holdings Berhad sebanyak RM400 juta. Usaha ini membantu meningkatkan kedudukan modal dan menyokong pertumbuhan perniagaan takaful dan takaful-semula syarikat tersebut.



Ulasan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Secara keseluruhan, syarikat-syarikat strategik kami berjaya mengekalkan prestasi kewangan mereka pada 2018, yang mana pendapatan terkumpul berkembang sebanyak 2.2% berbanding tahun sebelumnya. Kami menyedari bahawa lebih banyak yang perlu dilakukan dan dengan penciptaan lebih banyak tumpuan baru, syarikat kami telah mula mengendalikan peralihan struktural dan penambahbaikan operasi yang diperlukan bagi memantapkan kedudukan untuk prestasi yang lebih baik pada masa hadapan.

Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)¹	TK2017 (RM juta)	TK2018 (RM juta)	% Perubahan y-o-y
 Maybank	7,521	8,113	7.9%
 Sime Darby	615	618	0.5%
 Sime Darby Plantation	3,507	1,727	-50.8%
 Sime Darby Property	624	640	2.6%
 S P Setia	904	671	-25.8%
 UMW Holdings	35	491	n/m
 Velesto Energy	-1,127	-19	n/m
 CCM	-3	26	n/m
 Duopharma Biotech	42	48	13.0%
 MNRB	71	141	98.6%
Jumlah	12,189	12,456	2.2%

¹ Semua angka PATAMI adalah berdasarkan tahun kewangan berakhir masing-masing bagi setiap syarikat, berdasarkan operasi yang berterusan dan tak terlaras bagi item yang tidak berulang.

Pada masa yang sama, kami telah mula melibatkan diri secara aktif dengan syarikat-syarikat teras untuk mencari jalan bagaimana PNB boleh menyokong syarikat berkenaan dalam mentransformasikan prestasi masing-masing. Dalam tahun ini, satu inisiatif utama yang telah kami sertai adalah usaha pendanaan semula Sapura Energy Berhad bernilai RM4 bilion. Sokongan kami, datang dengan syarat-syarat yang jelas mengikut pelan penstrukturkan semula strategik kumpulan yang komprehensif, meliputi mendanai penerokaan dan pengeluaran serta perniagaan penggerudian, dan meningkatkan tadbir urus korporat. Dengan gerak kerja ini, syarikat telah berjaya mengurangkan beban hutang secara komprehensif dan menetapkan semula kedudukannya untuk meraih manfaat daripada pemulihran industri minyak dan gas yang bakal berlaku. Sehubungan kejayaan memuktamadkan gerak kerja berkenaan, PNB kini merupakan pemegang saham utama dalam Sapura Energy. Kami berharap dapat bekerjasama untuk menyaksikan pemulihran nilai dan pertumbuhan syarikat berkenaan dalam tahun-tahun yang akan datang.

Menempuh tahun 2019, keutamaan PNB adalah untuk meneruskan pelaksanaan pelan penciptaan nilai dalam kalangan syarikat-syarikat strategik dan teras kami. Ini memerlukan syarikat-syarikat strategik bersungguh-sungguh melaksanakan pelan penciptaan nilai bagi memacu pertumbuhan pendapatan teras mereka, di samping mempercepatkan penglibatan dengan syarikat-syarikat teras untuk mencari laluan bagi memulihkan nilai mereka. Ini boleh dilakukan dengan benar-benar melabur dalam syarikat-syarikat yang berdaya tahan. Dengan cara ini PNB berupaya meneruskan penciptaan nilai untuk tempoh jangka panjang.

Meningkatkan Pendedahan Dalam Ekuiti Persendirian dan Pendapatan Tetap

Mengenai Pelaburan Persendirian, pada 2018 PNB dibina berdasarkan asas-asas Rangka Kerja Pelaburan Persendirian yang telah diluluskan untuk membina pelan yang mantap untuk menggunakan asset-asset ekuiti persendirian dalam tahun-tahun akan datang menerusi program penyumberan luar berstruktur. Dengan memiliki struktur yang jelas dan berkesan untuk mengenal pasti, menilai dan memilih pengurus-pengurus dana ekuiti persendirian global terbaik yang beroperasi dalam segmen pasaran yang sesuai dengan selera risiko dan jangkaan pulangan PNB, kami yakin mampu mengoptimumkan anggaran pulangan yang bakal dijana daripada kelas aset ini. Justeru, untuk program fasa pertama, kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa telah mengenal pasti enam pengurus dana global yang bereputasi tinggi, dan kami menjangkakan penglibatan dalam aset ekuiti persendirian menerusi dana-dana ini akan berjalan dengan baik dan seterusnya berkembang pada 2019.

Beralih kepada portfolio Pendapatan Tetap, pada 2018, PNB telah memperuntukkan lebih daripada RM3 bilion ke dalam pelaburan pendapatan tetap iaitu meningkat sebanyak 6.5% daripada jumlah portfolio berbanding 5.8% pada 2017. Lembaga Pengarah PNB turut meluluskan Rangka Kerja Pendapatan Tetap, satu lagi langkah penting di bawah inisiatif Proses Pelaburan Mantap untuk mengesahkan rangka kerja berstruktur bagi semua kelas aset dalam portfolionya. Rangka Kerja Pendapatan Tetap ini menawarkan kejelasan terhadap strategi dan peruntukan pendapatan tetap kami, dan menetapkan sasaran dan pemboleh utama yang akan diletakkan pada tempatnya bagi menyokong

mempercepatkan usaha menggerakkan instrumen pendapatan tetap pada 2019 dan tahun-tahun berikutnya, selari dengan strategi jangka panjang kami untuk mengalihkan pegangan tunai kepada aset mudah tunai yang memberi pulangan lebih tinggi.

Rasionalisasi dan Peningkatan Pelaburan Hartanah

Tahun 2018 menyaksikan kemajuan ketara dicapai dalam usaha kami untuk merancakkan dan mengimbangi semula portfolio Hartanah PNB. Rangka Kerja Pelaburan Hartanah kami yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada akhir tahun, menjadi panduan kepada pendekatan dan strategi kami ke arah melabur dalam kelas aset ini, merentasi pelbagai sub-kategori dan geografi.

Di peringkat domestik, satu daripada keutamaan kami adalah mengimbangi semula portfolio bank tanah kami yang kini sebahagian besar di pinggir bandar kepada lebih banyak lokasi di bandar. Selari dengan ini, PNB Development Sdn Berhad, syarikat bank tanah kami, melengkapkan penjualan 342.5 ekar tanah di Bangi kepada KL East Sdn Bhd, sebuah syarikat subsidiari milik penuh S P Setia Berhad, berjumlah RM447.6 juta, sebagai tambahan kepada perkongsian keuntungan pembangunan masa hadapan. Pada masa yang sama, PNB Development dapat memanfaatkan peluang untuk membeli tiga harta tanah dan sebidang tanah, termasuk Balai Berita di Bangsar dan Shah Alam, menerusi kaedah jualan dan pajakan semula dengan Media Prima Berhad, bernilai RM280 juta.

Bagaimanapun, kami sedar bahawa peningkatan pulangan daripada portfolio hartanah domestik kami bukannya mudah

memandangkan prestasi pasaran harta tanah domestik yang lemah ketika ini. Bagi menangani perkara ini, kami terus berusaha untuk meningkatkan nilai harta tanah kami menerusi inisiatif aktif peningkatan aset dan menumpukan kepada pemasaran agresif bagi memaksimumkan kadar penghunian.

Kami percaya peluang dalam bidang harta tanah terletak di peringkat global dan dalam segmen tertentu seperti logistik. Sehubungan itu, kami berasa suka cita kerana melalui kerjasama dengan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, kami telah memuktamadkan pengambilalihan aset komersial Fasa 2 Projek Stesen Janakuasa Battersea di London. Pembangunan ikonik ini sebaik selesai pembinaannya, merupakan pelaburan yang menarik dan akan menjana hasil berulang dan peningkatan modal jangka panjang. Kami juga mampu merealisasikan keuntungan daripada satu pelaburan harta tanah pertama kami di London, 90 High Holborn, yang merupakan sebahagian daripada usaha kami untuk mengekalkan disiplin pelaburan dengan modal kitar semula untuk mengoptimalkan potensi keuntungan dan membolehkan kami untuk meraih manfaat daripada peluang pelaburan baru bila ada. Selain itu, penyertaan WeWork Companies Inc dalam pajakan 20 tahun untuk keseluruhan ruang pejabat harta tanah pelaburan kami, di Aviation House di London dijangka menghidupkan semula bangunan berkenaan dan meningkatkan nilainya pada masa hadapan.

Pada tahun 2019, dengan tersedianya Rangka Kerja Pelaburan Hartanah, kami merancang untuk membolehkan dana-dana unit amanah kami untuk beroleh pendedahan kepada kelas aset harta tanah dengan melabur dalam dana-dana harta tanah global. Sama seperti Pelaburan

Persendirian, PNB berpandukan rangka kerja dan proses yang mantap untuk memastikan kami dapat memilih pengurus-pengurus global terbaik dengan rekod yang kukuh dan kepakaran mendalam dalam strategi risiko dan geografi yang sesuai dengan profil pelaburan kami. Dengan melabur dalam dana-dana ini atau jentera pelaburan berdasarkan harta tanah yang hampir sama, dana kami dapat mengakses sumber hasil berulang yang menggalakkan, selain turut mendapat manfaat daripada kenaikan modal masa depan dalam pasaran yang mantap.

Memacu Kecemerlangan Operasi

Tersasiknya Pelan Strategik kami, pada 2018 menyaksikan banyak langkah diambil sebagai sebahagian daripada transformasi ASNB, sejajar dengan inisiatif kami untuk Mengekalkan Kepimpinan Dalam Industri Unit Amanah.

Bidang tumpuan pertama kami adalah memastikan kami memberikan produk yang tepat kepada pelanggan kami. Ini bermula dengan penjenamaan semula dan penamaan semula dana-dana harga berubah ASNB pada bulan April lalu kepada jenama tunggal di bawah jenama ASN tetapi dengan tiga kategori berbeza, iaitu Ekuiti, Aset Campuran (Terimbang) dan Aset Campuran Konservatif. Kategori ini menyerlahkan profil risiko dana dan mencerminkan kesesuaianya kepada pelabur berdasarkan usia atau horizon pelaburan mereka, menjadikannya mudah bagi pemegang unit untuk mengenal pasti dana yang paling sesuai dengan profil peribadi, selera risiko dan matlamat pelaburan mereka. Seterusnya, pada September, kami telah menamakan semula dana-dana berharga tetap kami untuk menyerlahkan dua jenama ikon kami, Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Malaysia, bagi memberikan kejelasan dan kemudahan kepada pemegang unit dalam setiap segmen sasaran.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempunyai saluran kukuh untuk produk-produk baharu, dua dana baharu - ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 - telah dilancarkan pada September lalu. Kami berpuas hati untuk menyatakan bahawa kedua-dua dana ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat umum dengan jumlah pelaburan sebanyak RM804 juta menjelang akhir tahun 2018. Bagi tahun 2019, kami berhasrat untuk meneruskan strategi ini dengan melancarkan lagi dana harga berubah yang baharu.





Bidang tumpuan kami yang kedua adalah untuk meluaskan capaian fizikal dan digital ASNB. Sepanjang tahun ini, kami telah melantik Bank Muamalat, Alliance Bank dan Hong Leong Bank menyertai rangkaian ejen kami yang kini berjumlah 10 ejen dan 2,602 cawangan ejen di seluruh negara. Langkah ini telah memperluaskan capaian dana kami kepada lebih ramai rakyat Malaysia di seluruh negara.

Usaha untuk memperluaskan capaian digital kami juga sangat berkesan. Kami telah meningkatkan ciri dan fungsi portal myASNB, dan mencatatkan seramai sejuta pengguna berdaftar menjelang akhir tahun, satu peningkatan luar biasa dalam tempoh sampai dua tahun sejak ia dilancarkan pada 2017. Penggunaan portal myASNB yang semakin meningkat, ditambah dengan usaha menggalakkan pemegang unit untuk menggunakan portal ejen dalam talian, telah menyumbang jumlah jualan kasar di seluruh e-saluran kami kepada RM3.1 bilion pada 2018 dan ini menunjukkan pertumbuhan yang luar biasa.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memudahkan pemegang unit melabur dengan kami, kami ingin mempunyai 'capaian merata' antara ASNB dan pemegang unit. Untuk itu, buat pertama kalinya, kami membolehkan pemegang unit untuk melabur menerusi mesin juruwang automatik (ATM) Maybank, dan juga memperkenalkan transaksi masa sebenar dan semakan portfolio menerusi portal dalam talian Maybank, Maybank2u.com. Kami amat berpuas hati dengan kemudahan tambahan ini dan berharap dapat melancarkannya kepada lebih banyak lagi ejen bank pada tahun 2019.

Meningkatkan pengalaman pelanggan dalam kalangan pemegang unit sentiasa menjadi matlamat utama kami. Itulah

sebabnya kami sentiasa berusaha untuk mengoptimumkan proses di cawangan kami, termasuk memperkenalkan e-kiosk dan meningkatkan aliran perkhidmatan. Ini telah menyaksikan penambahbaikan yang ketara dan signifikan bagi sepanjang tahun ini, dengan purata masa menunggu dikurangkan kepada 10.7 minit daripada 23.2 minit pada 2017, manakala purata masa perkhidmatan telah ditingkatkan untuk kedua-dua transaksi tunai dan bukan tunai masing-masing kepada 3.8 minit daripada 5.1 minit dan 7.9 minit daripada 13.0 minit. Pada 2019, kami bukan saja berhasrat untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan di cawangan, tetapi juga memperkenalkan lebih banyak pilihan dan perkhidmatan digital sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mewujudkan pengalaman digital sepenuhnya kepada para pemegang unit.

Melangkah kehadapan pada 2019, tumpuan utama kami adalah untuk meningkatkan pelaburan berulang oleh pemegang unit. Amat penting bagi kami untuk memudahkan pemegang unit melabur secara tetap dan konsisten kerana ini adalah kunci utama untuk mereka mencapai matlamat pelaburan dan memenuhi keperluan kewangan masa hadapan. Kami berhasrat untuk menjadikan tumpuan ini sebagai inisiatif utama pada 2019, dan merancang untuk memanfaatkan platform ejen dan bekerjasama dengan majikan bagi membolehkan pemegang unit melabur secara automatik dengan kami setiap bulan.

Satu lagi tumpuan utama PNB di bawah Teras Ketiga sudah semestinya mengenai modal insan. Seperti yang pernah ditekankan oleh Pengerusi Kumpulan, bakat insan yang bertenaga dan berprestasi tinggi merupakan

komponen kritikal daya tahan organisasi PNB di tengah-tengah persekitaran operasi yang mencabar. Dalam apa cara sekalipun, warga kerja kami adalah aset PNB yang paling bernilai. Sehubungan itu, kami telah berusaha membina Rangka Kerja Modal Insan yang holistik dan komprehensif untuk menstruktur dan meningkatkan pendekatan kami bagi memperoleh, membangun dan mengekalkan mereka yang mahir dan berpengalaman, selari dengan matlamat strategik PNB.

Kami bermula dengan mengkaji jumlah ganjaran, menanda aras berbanding rakan industri seangkatan dalam industri dan menilai hubung kait ganjaran dengan prestasi bagi mewujudkan struktur insentif berasaskan merit semata-mata. Memasuki tahun 2019, kami berharap dapat menangani perkembangan kerjaya serta pembelajaran dan pembangunan kerjaya, memastikan bahawa warga kerja kami dapat berkembang bersama kami serta membangunkan kecekapan dan kemahiran yang diperlukan oleh PNB untuk terus mencipta nilai bagi pemegang unit. Dalam melakukan ini, kami juga berharap dapat merancang secara berkesan kekuatan modal insan yang optimum bagi mengisi pelbagai fungsi dalam PNB serta membangunkan kesinambungan barisan kepimpinan masa depan untuk memacu PNB ke masa hadapan, di setiap peringkat organisasi. Selain itu, kami juga teruja untuk mewujudkan persekitaran kerja kelas dunia untuk warga kerja kami, belajar dari apa yang dilakukan oleh organisasi terbaik untuk menaikkan semangat modal insan mereka yang menjadikan mereka lebih bertenaga, lebih produktif dan lebih bekerjasama di tempat kerja.



Akhirnya, kami percaya hanya dengan pendekatan bakat terbaik-dalam-kelasnya yang disokong persekitaran kerja masa hadapan, akan membolehkan kami mewujudkan tenaga kerja peneraju pasaran yang mampu melaksanakan mandat kami. Itulah sebabnya meneruskan transformasi strategi bakat akan menjadi bahagian penting tumpuan kami dalam Transformasi Organisasi di bawah Semakan Tempoh Pertengahan Pelan Strategi PNB, dan kami berharap untuk melaporkan kejayaannya pada tahun-tahun mendatang.

Aspirasi Tahun 2019

Ketika kami 'melabuhkan tirai' ulang tahun PNB ke-40, saya diingatkan berulang kali bahawa betapa bertuahnya kami dapat menguruskan wang yang diamanahkan oleh pemegang unit. Sepanjang empat dekad lalu, rakyat Malaysia telah melabur dalam dana-dana unit amanah untuk membiasai matlamat hidup jangka panjang yang amat penting seperti membeli rumah, membiasai pendidikan tinggi anak-anak atau sebagai keperluan persaraan. Setiap keputusan yang kami buat, setiap strategi yang kami bentuk, semua tindakan kami, mempunyai impak yang amat besar kepada berjuta-juta insan. Lebih daripada segalanya, adalah amanah yang kami bawa ini memberikan kejelasan tujuan - untuk meningkatkan kekayaan pemegang unit kami.

Melihat kepada persekitaran yang mencabar kita pada tahun 2019, adalah lebih penting daripada sebelum ini untuk PNB terus mengekalkan aspirasi - pelabur jangka panjang yang memberi tumpuan kepada penyampaian pulangan yang mampan. Untuk menangani ketidakpastian dan ketidaktentuan yang melampau - norma baru untuk pasaran kewangan - serta turun naiknya ekonomi global, kami perlu bersedia dengan pelan yang jelas dan bertindak dengan tenang dengan cara yang tegas, prasyarat untuk membuat keputusan yang berdasarkan maklumat dan rasional.

ia diterjemahkan sebagai mengabaikan keimbangan turun naik jangka pendek dan menjalankan analisis yang lebih mendalam dan berkesan untuk melihat nilai sebenar bagi aset yang kami labur. Dan ini menuntut kehendak dan keberanian untuk mempertimbangkan penurunan sementara pasaran sebagai peluang untuk mengumpul dan meraih keuntungan apabila arus

berubah. Inilah yang sering PNB lakukan sepanjang empat dekad yang lalu, dan inilah juga yang perlu kami teruskan untuk menjana pulangan yang mampan buat pemegang unit kami untuk bertahun-tahun yang akan datang.

Pengiktirafan dan Penghargaan

Kami ingin mulakan dengan melahirkan penghargaan kami dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Lembaga Pemegang Amanah YPB, dan juga Lembaga Pengarah PNB dan ASNB atas bimbingan dan kepimpinan yang mereka berikan sepanjang tahun lalu. Kami alu-alukan penyertaan kepada ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah YPB yang baharu iaitu YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, YB Dato' Seri Azmin Ali, YBhg Tan Sri Ambrin Buang dan sudah pasti, Pengurus Kumpulan yang baharu, YBhg. Tan Sri Dr. Zeti Aziz. Kami berharap dapat meneruskan perjalanan transformasi organisasi di bawah kepimpinan Tan Sri Dr. Zeti, dengan memanfaatkan pengalaman luas beliau selama menerajui barisan hadapan perbankan pusat. Ucapan selamat datang juga buat Pengarah-pengarah baharu PNB: Datuk Ahmad Badri Mohd. Zahir, Tan Sri Datuk Zainun Ali, Dato Dr. Nik Ramlah Nik Mahmood dan Dato' Johan Ariffin serta Datuk Mohd Anwar Yahya, yang menyertai Lembaga Pengarah ASNB. Ahli-ahli Lembaga Pengarah di semua entiti ini menjadi teladan dari segi bakat dan komitment mereka. Mereka sememangnya menjadi asas dan pemicu budaya berasaskan matlamat penubuhan PNB, dan kami berterima kasih untuk sumbangan yang mereka berikan.

Kami amat berterima kasih kepada bekas Pengurus Kumpulan, Tan Sri Abdul Wahid Omar, atas sumbangan yang diberikan sepanjang dua tahun menerajui Lembaga Pengarah PNB. Kami juga berterima kasih kepada pengarah-pengarah yang telah bersara daripada jawatan Lembaga Pengarah PNB tahun lalu: Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, Tan Sri Zarina Anwar dan Datuk Dr. Awang Adek Hussin, serta Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, yang menduduki lembaga pengarah ASNB. Kami amat berbesar hati atas sumbangan, dedikasi dan kepimpinan yang telah diberikan.

Penghargaan tulus ikhlas juga kami panjatkan buat Dato' Idris Kechot, bekas Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan PNB yang bersara pada akhir tahun selepas 34 tahun menyumbang khidmat. Dedikasi, kerja keras dan komitmen yang telah diberikan amat penting dalam meletakkan PNB berada pada kedudukannya hari ini.

Kami juga berbesar hati mengalu-alukan penyertaan Hanizan Hood menggalas jawatan baharunya sebagai Ketua Pegawai Pelaburan PNB bermula tahun ini. Hanizan telah bersama kami selama 22 tahun dan beliau kini menjalankan tugas kepimpinan dalam semua unit operasi dalam linkungan unit perniagaan strategik Pengurusan Aset.

Penghargaan tulus ikhlas juga kami tujuhan kepada semua pihak yang berkepentingan, Kementerian dan agensi kerajaan, badan-badan pengawal selia, jawatankuasa Fatwa, syarikat-syarikat strategik dan teras kami. Terima kasih atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan dan kami berharap dapat terus sama-sama berkhidmat untuk negara.

Saya ingin mengakhiri dengan mengiktiraf kerja keras rakan-rakan sekerja saya di PNB - yang terus bekerja tanpa mengenal penat lelah bagi menjayakan matlamat dan objektif kita. Kita telah melalui tahun yang penuh dengan cabaran dan semuanya tidak mudah. Saya amat berterima kasih atas keazaman dan usaha gigih anda membolehkan PNB dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya terus melaksanakan mandat kami.

Akhir sekali, kepada pemegang-pemegang unit kami, terima kasih kerana percaya kepada PNB dan membenarkan kami mengembangkan modal hasil kerja keras anda. Kami tidak pernah lupa dan tidak akan pernah melupakan kewajipan fidusiari kami kepada anda dan akan terus bertindak demi kepentingan anda dan matlamat jangka panjang anda dengan cara yang bertanggungjawab, berhemah dan berhati-hati.


Abdul Rahman Ahmad

Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan

Berpandukan falsafah asas pelaburan yang berteraskan jangka panjang dan berdasarkan proses pelaburan yang mantap, portfolio pelaburan PNB kini dipelbagaikan merentasi pelbagai kelas aset dan sempadan geografi.




Peruntukan Aset Mengikut Geografi




Falsafah Pelaburan

Pendekatan pelaburan yang berteraskan asas jangka panjang, menggabungkan pendekatan 'top-down' dan 'bottom-up'.


Pelaburan nilai wajar/intrinsik berpandukan parameter asas jangka panjang





Proses Pelaburan

Proses pelaburan hujung-ke-hujung yang kukuh di seluruh peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan.



Peruntukan Aset Strategik

Rangka Kerja Peruntukan Aset Strategik (SAA)

Rangka kerja SAA PNB adalah panduan untuk proses membuat keputusan dalam menetapkan sasaran peruntukan modal jangka panjang optimum. Rangka kerja ini memainkan peranan penting dalam inisiatif PNB untuk memperoleh kepelbagaiannya risiko yang lebih baik daripada portfolio pelaburannya merentasi kelas aset yang berlainan.

Sasaran optimum SAA bagi setiap dana dibentuk dengan mengambil kira ketetapan selera risiko, sasaran pulangan dan kekangan pelaburan bagi dana di bawah pengurusan PNB. Ini disokong oleh pandangan kami mengenai prospek jangka pendek dan jangka panjang, serta jangkaan risiko dan tahap pulangan merentasi pasaran modal dan kelas aset yang kami laburkan.

Proses SAA PNB dibina secara berkesan dalam kepercayaan kukuh kami bagi menerapkan budaya penggabungan kerjasama dan kebertanggungjawaban secara kolektif dalam organisasi ini. Ini penting bagi memastikan sumber dan kemahiran dijana sepenuhnya serta fokus terhadap memenuhi objektif dana kami dan terutamanya harapan pemegang unit.

Melalui pendekatan berstruktur dan terangkum ini, kami mampu terus membina pandangan yang lebih terkini dan bermaklumat terhadap faktor-faktor pendasar yang memacu jangkaan risiko dan pulangan merentasi semua kelas aset yang kami laburkan, untuk mencapai keputusan peruntukan lebih baik. Hasilnya, ini membolehkan dana kami diletakkan dalam kedudukan lebih baik bagi memaksimumkan manfaat kepelbagaiannya ke arah mencapai keseimbangan pulangan risiko optimum, seterusnya menetapkan tahap pulangan yang mampan bagi tahun-tahun akan datang.

Peruntukan Aset Strategik

Menentukan peruntukan modal yang optimum kepada kelas aset yang berdasarkan jangkaan pulangan-risiko bagi setiap dana

Jangka Panjang

Jangka Sederhana

Peruntukan Aset Dinamik



Mencartakan laluan paling seimbang ke arah mencapai saranan SAA melalui perancangan penggunaan modal tahunan

Jangka Pendek

Peruntukan Aset Taktikal

Membolehkan pelaburan jangka pendek untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang jangka pendek

Peruntukan Aset Strategik

Kelas Aset**Peruntukan Aset Mengikut Kelas Aset**

Ekuiti Awam

Rangka Kerja Ekuiti Awam kami menetapkan pendekatan berstruktur mengenai cara terbaik bagaimana PNB dapat menambah nilai dan menambah baik prestasi syarikat-syarikat kami. Sehingga kini, rangka kerja tersebut mendokong tadbir urus terbaik serta pembinaan kapasiti bagi meningkatkan keupayaan ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

Prinsip Panduan Bagi Rangka Kerja Ekuiti Awam

Prinsip Panduan

1

Pendekatan berdasarkan situasi

2

Fokus kepada peningkatan prestasi yang berterusan

3

Model operasi dalaman yang efisien & kolaboratif

4

Tadbir urus terbaik dalam kelasnya

5

Kumpulan tenaga mahir yang menambah nilai

Pemboleh Utama



Struktur Organisasi



Pembangunan Bakat



Tadbir Urus



Imbuhan & Pampasan



Latihan & Pembangunan

Pendekatan yang Diperkemas dan Bersepadu

1

Proses pemilihan/perangkuman yang jelas bagi syarikat-syarikat strategik/teras

2

Membina pandangan menyeluruh terhadap inisiatif merekayasa nilai strategik dan matlamat bagi setiap syarikat

3

Pemantauan prestasi dan rangka kerja penglibatan

4

Penilaian berstruktur bagi pengewangan dan pengunduran

Syarikat-syarikat Strategik

Syarikat-syarikat yang mana PNB mempunyai pegangan majoriti atau mengawal kepentingan.

PATAMI: Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti.
Semua Permodalan Pasaran dan angka Pegangan Saham adalah setakat 31 Disember 2018**Malayan Banking Berhad**

TKB18

31 Disember

Pendapatan Operasi Bersih

RM23,630
juta

Permodalan Pasaran

RM104,972
juta**Sime Darby Berhad**

TKB18

30 Jun

Hasil
(operasi berterusan)**RM33,828**
juta

Permodalan Pasaran

RM16,322
juta

PATAMI

RM8,113
juta

Pegangan saham

48%PATAMI
(operasi berterusan)**RM618**
juta

Pegangan saham

52%**Plantation****Sime Darby Plantation Berhad**

TKB18

30 Jun

Hasil

RM14,369
juta

Permodalan Pasaran

RM32,372
juta**Property****Sime Darby Property Berhad**

TKB18

30 Jun

Hasil

RM2,353
juta

Permodalan Pasaran

RM6,767
juta

PATAMI

RM1,727
juta

Pegangan saham

56%

PATAMI

RM640
juta

Pegangan saham

57%

Setia

S P Setia Berhad

TKB18

31 Disember

Hasil

RM3,594
juta

Permodalan Pasaran
RM9,223
juta

PATAMI

RM671
juta

Pegangan Saham
60%



UMW

UMW Holdings Berhad

TKB18

31 Disember (Tidak Diaudit)

Hasil

RM11,306
juta

PATAMI
(operasi berterusan)
RM491
juta

Permodalan Pasaran
RM6,391
juta

Pegangan saham
59%

VELESTO energy

Velesto Energy Berhad

TKB18

31 Disember (Tidak Diaudit)

Hasil

RM573
juta

Permodalan Pasaran
RM1,479
juta

PATAMI

-RM19
juta



Chemical Company of Malaysia Berhad

TKB18

31 Disember (Tidak Diaudit)

Hasil

RM396
juta

PATAMI

RM26
juta

Permodalan Pasaran
RM300
juta

Pegangan Saham
56%

**Duopharma Biotech Berhad**

TKB18
31 Disember (Tidak Diaudit)

Hasil

RM499
juta

Permodalan Pasaran

RM629
juta

PATAMI

RM48
juta

Pegangan saham

51%

**MNRB Holdings Berhad**

TKB18
31 Mac

Premium Perolehan Kasar

RM2,252
juta

Permodalan Pasaran

RM721
juta

PATAMI

RM141
juta

Pegangan saham

57%

Antara Syarikat-syarikat Teras

Syarikat yang mana PNB memiliki lebih daripada 10% pegangan saham atau pendedahan lebih daripada RM1 bilion.

Pegangan Saham

	Telekom Malaysia Berhad	22%
	MMC Corporation Berhad	20%
	Axiata Group Berhad	19%
	IJM Corporation Berhad	19%
	Gamuda Berhad	18%
	Tenaga Nasional Berhad	18%
	BIMB Holdings Berhad	17%
	Bumi Armada Berhad	13%
	CIMB Group Holdings Berhad	12%
	Digi.Com Berhad	12%
	Sapura Energy Berhad	12%
	Maxis Berhad	11%
	RHB Bank Berhad	11%
	IOI Corporation Berhad	10%

Ekuiti Awam

Membolehkan penyertaan pemilikan ekuiti korporat dalam kalangan semua peringkat masyarakat melalui pelaburan kami yang merentasi semua sektor utama dan strategik ekonomi Malaysia

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Syarikat Strategik



- Bank terbesar di Malaysia, juga syarikat terbesar mengikut permodalan pasaran.
- Memberi khidmat kepada lebih daripada 22 juta pelanggan melalui rangkaianya yang melebihi 2,400 cawangan merentasi 20 negara termasuk kesemua 10 negara Asia Tenggara.
- Maybank Islamic merupakan bank Islamik terbesar di ASEAN mengikut jumlah aset.



- Malaysian Re merupakan syarikat insurans semula terbesar negara mengikut aset di rantau Asia Tenggara.
- Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada 2 juta pemegang polisi.

Syarikat Teras



KIMIA

Syarikat Strategik



- Satu daripada tiga penyedia bahan salut polimer utama bagi industri sarung tangan global.
- Antara pengeluar terbesar klorin negara yang digunakan untuk rawatan bekalan air bagi jutaan isi rumah di Malaysia.

KONGLOMERAT

Syarikat Strategik



- Pengedara Caterpillar ketiga terbesar dunia yang menawarkan pelbagai penyelesaian komprehensif industri merentasi 17 buah negara dan wilayah di Asia Pasifik.
- Satu daripada kumpulan automotif di Asia Pasifik yang mewakili jenama mewah seperti BMW, Rolls-Royce, Jaguar, Land Rover dan Porsche



- Syarikat automotif No. 1 di Malaysia melalui Toyota dan Perodua

FARMASEUTIKAL

Syarikat Strategik



- Antara penyedia dan penjual ubat-ubatan terbesar negara dengan pegangan pasaran lebih daripada 20% bagi segmen generik domestik.



MINYAK & GAS

Syarikat Strategik

VELESTO energy

- Pengendali rig gerudi jack up terbesar Malaysia

Syarikat Teras



BUMI ARMADA





HARTANAH Syarikat Strategik

Setia

- Disenaraikan sebagai Pemaju No. 1 Malaysia sebanyak 11 kali bagi Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik The Edge dan pemecah rekod sebagai pemaju tunggal di Malaysia yang menerima Anugerah FIABCI Prix d'Excellence Awards sebanyak 11 kali.



Property

- Pemaju harta tanah terbesar di Malaysia dari segi keluasan tanah dengan melebihi 20,000 ekar baki tanah yang boleh dimajukan.

PERLADANGAN Syarikat Strategik



Plantation

- Syarikat ladang kelapa sawit terbesar dunia berdasarkan luas kawasan tanaman.
- Pengeluar No. 1 Certified Sustainable Palm Oil (CSPO)

Syarikat Teras



IOI GROUP

TELEKOMUNIKASI Syarikat Teras



PEMBINAAN Syarikat Teras



INFRASTRUKTUR & UTILITI Syarikat Teras



Pelaburan Persendirian

Melalui Rangka Kerja Pelaburan Persendirian kami, PNB telah mengenal pasti satu pendekatan berstruktur bagi membolehkan kami mengatur kelas aset secara berkesan. Pada masa sama, PNB terus membina serta meningkatkan potensi portfolio ekuiti persendirian yang sedia ada.

Rangka Kerja Pelaburan Persendirian

Visi

Untuk penyertaan bermakna dalam kelas asset Pelaburan Persendirian (PI) yang menarik, justeru meningkatkan pulangan bagi Kumpulan PNB

Keutamaan

Keseluruhan - Global

Kebolehan untuk terus berkembang, profil teras risiko-pulangan aset kelas pelaburan persendirian (PI)

Langsung - Malaysia

Keupayaan penjanaan Alpha dalam negara

Pertumbuhan - Global

Ekonomi membangun, industri alaf baharu

Pelaburan bersama - Global

Keupayaan penjanaan Alpha secara global

Sekunder - Global

Profil tunai pelengkap kepada portfolio persendirian (PI)

Modal Teroka (VC) - Global

Opportunistik, bersama firma modal teroka (VC) utama

Pemboleh



Bakat

Merombak semula pasukan pelaburan persendirian (PI) sejajar dengan portfolio



Tadbir Urus

Untuk menampung kelebihan dan kekurangan pelaburan persendirian (PI)



Proses

Amalan terbaik untuk membolehkan pelaksanaan yang cekap



Risiko

Rangka kerja risiko khusus pelaburan persendirian (PI)

Pelaburan Terkawal



Malaysian Industrial Development Finance Berhad



Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (PROLINTAS)

Antara Pelaburan Minoriti



Goodyear Malaysia Berhad



BOH Plantations Sdn Bhd



Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd



Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd



Maybank Asset Management Group Sdn Bhd



Rahim & Co International Sdn Bhd



Ansell N.P. Sdn Bhd



Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd



Akzo Nobel Paints (M) Sdn Bhd



Lam Soon (M) Berhad

Pelaburan Penyumberan Luar



Dana diuruskan oleh pengurus dana global terbaik terpilih

Sementara itu, Rangka Kerja Pendapatan Tetap kami menetapkan asas-asas yang perlu dan pendekatan yang membimbing kami meningkatkan secara signifikan pendedahan terhadap kelas aset tersebut dalam tiga hingga lima tahun akan datang selaras dengan matlamat peruntukan aset jangka panjang PNB.

Rangka Kerja Pendapatan Tetap

Matlamat & Peruntukan

1

Sasaran Risiko - Pulangan

2

Mengoptimumkan Peruntukan Kelas Sub-Aset

Pendekatan & Pelaksanaan

1

Strategi portfolio aktif

2

Menentukan model penyertaan terbaik untuk memperoleh pendedahan yang dikehendaki merentasi kelas sub asset.

3

Proses penyaringan untuk menyaring pelaburan berpotensi dalam setiap kelas sub aset

Pembolehubah



Menetapkan Penanda Aras Prestasi Dalam



Menyelaraskan Model Operasi



Pengukuhan Modal Insan & Pembinaan Kapasiti



Meningkatkan Pengurusan Risiko



Menambah Baik Perkakasan & Infrastruktur Teknologi Maklumat (IT)



Menambah Baik Dasar & Proses

Komponen

1

Bon Kerajaan

2

Bon Korporat

Pecahan Portfolio Pendapatan Tetap

94.2%



5.8%

Kerajaan

94.3%



5.7%

Korporat

Hartanah

Rangka Kerja Pelaburan Hartanah dibangunkan untuk membantu PNB mengenal pasti segmen hartanah dan geografi yang sejajar dengan matlamat risiko dan pulangan jangka panjang serta sebagai pendekatan berstruktur dalam memperluaskan peruntukan portfolio PNB secara bermakna kepada kelas aset hartanah.

Rangka Kerja Pelaburan Hartanah

Objektif

Mencapai pulangan dan kepelbagaian pelarasan risiko yang menarik tanpa menjaskan hasil tunai

Strategi Risiko



Teras

Aset kini menjana pendapatan tetap



Tambah Nilai

Aset yang berpotensi meningkat melalui inisiatif peningkatan aset



Opportunistik

Penyusunan semula dan pembangunan aset utama

Geografi

Domestik

Asia Pasifik Lain

Amerika Utara

Eropah

Kepelbagaian

Polisi Tahun Vintaj

Polisi Firma Pelaburan

Polisi Transaksi Langsung

Hartanah Domestik & Antarabangsa

38

Pelaburan Hartanah di Seluruh Malaysia

9.2 juta kaki persegi

Kawasan Boleh Sewa Bersih



Setia I & II



No. 26, Jalan Sultan Ismail

Hospitaliti

8

Hotel & Pusat Peranginan

3

Padang Golf

1,319

Jumlah Bilik



Pusat Peranginan Kinrara

4

Hartanah Antarabangsa

1.05 juta kaki persegi

Kawasan Boleh Sewa Bersih



Aviation House




Milton & Shire House

Bank Tanah

>10,000

Ekar Tanah



ASNB

Kaunter Perkhidmatan

4

5

6

7

ADAM 50

ASNB

PNB

ASNB MASA 2018

Insert Mykad
here

use place your thumb

Baki Akun Pelabur

ASNB | KIOSK

Amanah Saham Nasional Berhad

ASNB



“

Usaha pendigitalan kami adalah kritikal bagi menggalakkan lebih ramai orang melabur dan meningkatkan celik kewangan, terutamanya dalam kalangan generasi muda dan pemegang unit amanah yang lebih bijak IT. Saya gembira kerana rakan-rakan kami bersepakat dengan kami dalam merealisasikan matlamat ini. Walaupun kami kini ke arah perjalanan pelanggan yang digital sepenuhnya untuk pemegang unit yang lebih sofistikated, **kami tidak akan berkompromi dengan standard perkhidmatan penghantaran fizikal kami untuk pemegang unit kami.**”

Dato' Abdul Rahman Ahmad
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB
ASNB Starz Awards 2018

Pelan Strategik ASNB 2018-2022

Ekoran pelancaran Pelan Strategik PNB 2017-2022 pada penghujung 2016, ASNB telah memulakan perjalanan transformasinya sendiri dengan mengumumkan Pelan Strategik lima tahunnya. Pelan tersebut disasarkan untuk mengekalkan kedudukan ASNB sebagai peneraju dalam industri unit amanah melalui tiga teras Strategik:



Teras I: Menyampaikan Produk Yang Betul kepada Pelanggan

ASNB fokus dalam memastikan kepelbagaiannya produknya terus memenuhi keperluan pelabur. Justeru, tiga inisiatif penting ini diperkenalkan pada 2018

1. Memposisi dan menjenama semula dana harga berubah ASNB.

- a) ASNB memposisikan semula penawaran dana harga berubah bagi memenuhi keperluan pelabur yang berbeza, merentasi tiga fasa kitaran hidup berlainan iaitu muda, dewasa dan pra persaraan.

Kumpulan Umur	Toleransi Risiko	Kitaran Hidup	Objektif Pelaburan	Kategori Dana Bersesuaian
MUDA (hingga akhir 40an)	Tinggi	Pembinaan kekayaan	Pertumbuhan agresif dalam modal dan nilai bersih dengan aliran pendapatan yang konsisten.	Ekuiti
DEWASA (lewat 40an - persaraan awal)	Sederhana	Pengumpulan kekayaan	Pertumbuhan sederhana tetapi konsisten dalam nilai bersih dan aliran pendapatan yang stabil.	Aset Bercampur Terimbang
PRAPESARAAN (50 tahun ke atas)	Rendah	Pemeliharaan kekayaan	Aliran pendapatan yang mantap untuk membiayai gaya hidup.	Aset Bercampur Konservatif

- b) Objektif Pelaburan bagi setiap jenis dana telah dipertimbangkan dan diperkuuhkan semula dengan menekankan pendekatan sebenar bagi memberi gambaran tersendiri ciri-ciri berbeza setiap produk dan kategori.

Bagi memudahkan penyusunan semula ini, ASNB telah menjenamakan semula enam dana harga berubah sedia ada bagi membolehkan pemahaman mudah dan cepat akan ciri-ciri produk tersebut. Ini membabitkan pengekalan jenama 'ASN' yang kukuh merentasi semua dana harga berubah sebagai warisan jenama, disamping menambah kategori dana pada nama untuk mencerminkan pendekatan sebenar.



2. Penamaan Semula Dana Harga Tetap ASNB

Enam dana harga tetap ASNB dinamakan semula untuk kejelasan dan kesederhanaan - memastikan nama dana tersebut kekal relevan pada masa hadapan sambil terus memanfaatkan warisan kukuh jenama dana sedia ada Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Malaysia.



3. Pelancaran Dua Dana Harga Berubah

Sebagai sebahagian daripada strategi ASNB bagi mempercepatkan pelancaran dana baharu untuk memenuhi permintaan pelabur dan menawarkan pelbagai jenis produk lebih meluas bawah setiap kategori dana, dua dana harga berubah telah dilancarkan pada September 2018. Dana-dana tersebut menerima respons yang menggalakkan daripada para pelabur dengan gabungan jualan kasar melebihi 800 juta unit setakat akhir Disember 2018.



ASN Equity 5

EKUITI

YTD
265.1
juta unit

Mensasarkan pelabur yang mempunyai toleransi risiko sederhana/tinggi dengan keutamaan kepada peningkatan modal.




ASN Sara 2

ASET BERCAKPUR KONSERVATIF

YTD
539.4
juta unit

Mensasarkan pelabur konservatif dan menghindari risiko dengan keutamaan kepada aliran pendapatan tetap.

Teras II: Mengubah Pemasaran, Jualan dan Pengedaran



ASNB
Amanah Saham Nasional Berhad

Maybank

CIMB BANK

RHB

POS MALAYSIA

ALLIANCE BANK

AmBank

Bank Muamalat

AFFIN BANK

BSN

Hong Leong Bank


Bil.	Inisiatif	Impak serta merta
1.	Perlantikan Alliance Islamic Bank, Bank Muamalat Malaysia, Hong Leong Bank dan Hong Leong Islamic Bank sebagai ejen baharu.	Produk dan perkhidmatan ASNB boleh diakses melalui 2,602 cawangan ejen di seluruh negara.
2.	Pembukaan dua cawangan baharu, di Segamat dan Sungai Petani, serta satu cawangan kecil di UTC Selangor.	ASNB kini mempunyai 33 cawangan di seluruh negara termasuk satu cawangan kecil di UTC Selangor.
3.	Pengenalan struktur Wakil Daerah bagi memperkuuh perkongsian ASNB dengan ejen-ejen yang dilantik dan mengemaskini fokus jualan wilayahnya.	Jualan kasar oleh ejen meningkat sebanyak 21.9%.

Teras III: Memperkaya Pengalaman Pelanggan

PENAMBAHBAIKAN PORTAL MYASNB & CAPAIAN MELUAS



Meningkatkan ciri dan fungsi Portal myASNB:



- ▶ Penyata komprehensif
- ▶ Maklumat produk baharu
- ▶ Pembelian unit untuk dana yang belum didaftar/dilanggan
- ▶ Pandangan keseluruhan portfolio dan kawalan oleh penjaga

▼ **Pengguna Berdaftar Setakat Ini**

1.0 juta
pengguna portal

▼ **Nilai Jualan Dalam Talian Setakat Ini**

3.1 bilion unit

Transaksi waktu sebenar di ATM Maybank

Penambahbaikan Perkhidmatan Cawangan - Interaksi Menyenangkan			
	2017	2018	
▶ Masa Menunggu	23.2 min	► 10.7 min	
▶ Masa Perkhidmatan (Tunai)	5.1 min	► 3.8 min	
▶ Masa Perkhidmatan (Bukan Tunai)	13.0 min	► 7.9 min	

- i. ASNB telah berjaya menambah baik pengalaman pelanggan secara signifikan di cawangannya di mana purata masa menunggu telah dikurangkan sebanyak 54% sementara purata masa perkhidmatan meningkat secara purata 39%.
- ii. Bagi meningkatkan penggunaan portal myASNB, ASNB memperkenalkan 184 kiosk di seluruh negara bagi kemudahan mengemas kini Fail Maklumat Pelanggan (CIF) begitu juga dengan pendaftaran portal. Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 5 juta pemegang unit sudah mengemas kini CIF mereka dan 1 juta pengguna sudah mendaftar portal myASNB. Bersama dengan platform dalam talian ejen masing-masing, jumlah keseluruhan transaksi dalam talian mencecah RM3.1 bilion atau pertumbuhan membanggakan sebanyak 106.7% sejak 2017.
- iii. ASNB telah melancarkan inisiatif “capaian merata” bagi memperluaskan titik sentuhan pemegang unit dan meningkatkan kemudahan bagi melakukan transaksi. Sehingga kini, sebagai projek perintis, mulai 18 Disember 2018, transaksi berdasarkan pilihan masa sebenar telah diperkenalkan menerusi Maybank2u dan semua ATM Maybank.
- iv. Pada tahun kewangan, khidmat tuntutan harta bagi pegangan di bawah 10,000 unit mula ditawarkan di semua cawangan ASNB. ASNB juga telah menyediakan kaunter maklumat dan WiFi percuma di semua cawangannya bagi meningkatkan interaksi dengan para pelanggannya.
- v. Sebagai inisiatif untuk mendapat maklum balas pemegang unit dan menilai kepuasan mereka terhadap produk dan perkhidmatan ASNB, ASNB melantik Nielsen Malaysia, pakar kaji selidik bebas pasaran global, untuk menjalankan Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2018. Maklum balas, cadangan dan syor daripada kaji selidik ini akan digunakan untuk membantu ASNB memahami keperluan pemegang unit dengan matlamat untuk memberikan perkhidmatan dan pengalaman yang lebih baik di masa hadapan.





“


PNB mendorong budaya pembelajaran dalam kalangan warga kerjanya untuk membangunkan pertumbuhan profesional dan peribadi. Bagi melangkah ke hadapan, modal insan yang berbakat akan menjadi faktor utama yang memastikan PNB berupaya untuk mencipta semula dan membentuk PNB ke arah menjadi firma pelaburan distinktif bertaraf dunia... **PNB akan terus melabur secara signifikan dalam pembangunan modal insan kerana pendekatan ini penting untuk kemajuan dan pertumbuhan Kumpulan PNB.”**

Tan Sri Dr. Zeti Aziz

Pengerusi Kumpulan PNB

Makan Malam Ulang Tahun ke-40 2018

Statistik Utama: Modal Insan



Dengan lebih daripada 1,600 warga kerja yang menyumbang kepada apa yang kami lakukan, warga kerja kami adalah elemen utama keupayaan PNB untuk merealisasikan mandat yang telah diamanahkan kepada kami. Memperkuatkan modal insan adalah keutamaan strategik yang tinggi dan PNB menyediakan warga kerjanya dengan pelbagai peluang pembelajaran sepanjang hayat. Mengambil pendekatan menyeluruh terhadap keseluruhan pengalaman yang pernah ada sebelum, semasa, dan selepas bekerja dengan PNB, program latihan kami telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan yang berbeza dalam kitaran hayat warga kerja kami sepanjang tempoh mereka berkhidmat di PNB.

Pendedahan Awal

Latihan Amali

- Program latihan amali kami direka untuk menggalakkan pertumbuhan peribadi graduan baru dan seterusnya membina kemahiran mereka.
- Program ini bertujuan untuk menyediakan peluang kepada pelatih mendapatkan pengalaman kerja sebenar dalam pelbagai bidang, selain memberikan pengetahuan yang berharga tentang peranan dan operasi harian pelbagai Jabatan di PNB.

• 3,719

Pelatih amali sejak 2005

Program Pelatih Eksekutif Lepasan Ijazah PNB (PNB GET)

- Program PNB GET bertujuan untuk merapatkan jurang kemahiran antara kelayakan akademik dan keperluan industri.
- Program ini meliputi latihan pembangunan intensif selama dua bulan dan latihan di tempat kerja selama 10 bulan.

• 2,169

Graduan telah dilatih sejak program ini diperkenalkan pada 2011

Sosialisasi Organisasi

Program Pelatih Pengurusan (MT)

- Program berstruktur ini telah diperkenalkan pada 1982 untuk membangunkan para graduan sebelum memulakan kerjaya mereka di PNB.

LALUAN PEMBANGUNAN PNB MT



Pembangunan Kecekapan

Latihan Berterusan

Kursus Berkaitan Kecekapan pada 2018



Skim Peningkatan Mobiliti (UMS)

- Matlamat program ini adalah bagi membantu rakan sekerja untuk mendapatkan kenaikan pangkat yang lancar daripada jawatan Bukan Eksekutif kepada Eksekutif.
- Sehingga kini, PNB telah berkolaborasi dengan universiti tempatan seperti Universiti Malaya (UM) and Universiti Tologi) untuk modul latihan.

Kumpulan	Bil	Penjelasan
rakan		sekerja
2016	12	Menamatkan program Diploma Eksekutif di UM pada Disember 2018
2017	17	Sedang mengikuti Diploma Professional dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di UTM. Dijangka tamat pada Ogos 2019
2018	75	Rakan sekerja Bukan Eksekutif dinaikkan pangkat kepada jawatan sekerja Eksekutif

+ 146 Rakan sekerja bukan eksekutif dinaikkan pangkat ke jawatan Eksekutif sejak 2001

Pelesenan

Dua aktiviti utama di PNB memerlukan warga kerjanya beroleh lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) dan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM).

• Pelaburan CMSRL

CMSRL

146

• Unit Amanah FIMM


FIMM

744

Pensijilan Profesional

PNB sentiasa menggalakkan warga kerjanya untuk mendapatkan sijil profesional:

Kelayakan Profesional yang dimiliki oleh warga kerja PNB sehingga 2018



CFA: Penganalisis Kewangan Bertauliah

CA: Akautan Bertauliah

CRIEF: Sijil Kewangan Pelaburan Hartanah

Shariah RFP: Perancang Kewangan Berdaftar Syariah

CFP: Perancang Kewangan Berdaftar

IFP: Perancangan Kewangan Berdaftar

RFP: Perancangan Kewangan Berdaftar

Syariah: Sijil Perbankan Islam Syariah

Terjemahan: Diploma Penterjemahan Profesional

Program Biasiswa Pendidikan Kakitangan

- Sebagai sebahagian daripada usaha syarikat untuk meningkatkan tahap pendidikan dan peningkatan kerjaya, PNB turut menawarkan peluang kepada warga kerja untuk meningkatkan kelayakan mereka.

Pada 2018, 16 orang pengawal keselamatan menghadiri Kursus Asas Polis Bantuan yang melayakkan mereka menjadi anggota Polis Bantuan PNB

- Ke arah pencapaian ini, PNB telah menganugerahkan biasiswa kepada warga kerja untuk melanjutkan pengajian di peringkat diploma, ijazah atau sarjana, selain kelayakan profesional di dalam dan luar negara.

1

Program biasiswa penuh
MBA di University of
Chicago Booth School of
Business, Amerika Syarikat

7

Separa biasiswa untuk
kakitangan yang
mengikuti program ijazah
& sarjana

56

Biasiswa penuh untuk
program kelayakan
profesional

Pembangunan Kepimpinan

Program Sangkutan

- Dengan matlamat untuk menyediakan pengalaman kerja sebenar tentang operasi syarikat-syarikat kumpulan PNB, PNB turut menyediakan peluang latihan sangkutan kepada warga kerjanya.
- Program ini menawarkan pengalaman dan peluang perkongsian pengetahuan, peningkatan kemahiran dan menggalakkan kerja sepasukan.
- Pendekatan ini meningkatkan semangat dan motivasi, menyediakan peluang pembangunan kerjaya sejajar dengan pelan penggantian dan pembangunan keupayaan bakat muda untuk jawatan kepimpinan masa depan, dan juga memupuk inovasi dan pertukaran budaya.

Program Pembangunan Kepimpinan

- Oleh kerana PNB terus berkembang selepas mencatatkan 40 tahun rekod prestasi yang kukuh, syarikat menyedari keperluan untuk memiliki pelan penggantian yang komprehensif bagi memastikan perniagaannya berterusan dan mampan.
- Program Pembangunan Kepimpinan tertumpu kepada membangunkan sumber modal insan terbaik melalui usaha pembangunan bakat yang disasarkan, antaranya termasuk menawarkan peluang kepada warga kerja mengasah kemahiran kepimpinan mereka menerusi program kepimbingan yang berkualiti.

Pada tahun kewangan, enam kakitangan telah dikenal pasti dan mengikuti program latihan di institusi pengajian perniagaan yang terkemuka seperti berikut:

1

Harvard Business School,
Amerika Syarikat

3

London Business School,
United Kingdom

2

European Institute of Business Administration
(INSEAD), Perancis

- Dengan kerjasama Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (IMD), Switzerland dan Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus (ICLIF), PNB turut mengendalikan program latihan dalaman kepada bakat muda berpotensi tinggi dan kepimpinan kanan bagi memajukan dan memperkasakan kemahiran mereka dalam bidang kepimpinan.

Pra-Persaraan

Latihan Pra-Persaraan

- Sebagai syarikat yang menghargai kesetiaan dan sumbangan warga kerjanya kepada syarikat, warga kerja yang menghampiri usia persaraan berpeluang mengikuti program latihan pra-persaraan.
- Keistimewaan ini diberikan kepada semua warga kerja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun.
- Matlamat utama program ini adalah untuk membantu mereka yang terlibat untuk menyesuaikan diri dengan peralihan daripada usia pekerjaan kepada persaraan, dan juga bagi membolehkan mereka mendapatkan kemahiran baharu yang boleh digunakan setelah bersara kelak.

• Pada 2018,

20
kakitangan

menghadiri latihan
pra-persaraan mengikut
bidang minat masing-
masing

Proses Perniagaan & Inovasi

Proses Penyusunan Semula Perniagaan (BPR)

Di bawah kepimpinan dan bimbingan Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Proses Perniagaan PNB, tujuh projek BPR telah dimulakan pada 2018 bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan proses perniagaan, dan juga mengoptimumkan tawaran perkhidmatan. Projek ini melibatkan beberapa proses utama di seluruh organisasi, termasuk transaksi cawangan, perolehan, pelaburan, pemantauan dan pelaporan Pengubahan Wang Haram (AMLA), tuntutan harta pusaka dan pengurusan operasi pusat panggilan. Kejayaan projek BPR bergantung kepada penerimaan pemegang kepentingan utama, yang dicapai dengan secara berkesan menerapkan budaya inovasi di seluruh PNB, ini bagi memastikan semua warga kerja komited untuk peningkatan yang berterusan.

BPR terdiri daripada lima peringkat utama, iaitu:



Memupuk Inovasi

Untuk melengkapi inisiatif-inisiatif BPR ini, PNB Innovation Challenge (PIC) yang bermula pada 2017, telah diteruskan pada skala yang lebih besar pada 2018. Inisiatif yang dicadangkan oleh tiga pemenang utama PIC 2017 telah dibangunkan lagi, digerakkan dan dilaksanakan pada 2018. Ini termasuk Aplikasi Acara PNB yang berjaya digunakan sepanjang Minggu Saham Amanah Malaysia dan Fiesta Labur, selain menjadi platform inovatif yang memanfaatkan teknologi terkini untuk menawarkan perkhidmatan digital baharu kepada para pelanggan.

Pemenang PIC 2018

NAMA KUMPULAN	TEKNOLOGI	KETERANGAN
ABMO	Sistem Pengurusan Inventori Pintar (SIMS)	Inventori yang menambah baik dan meningkatkan kecekapan pengurusan aset. Ia menghubungkan dua jabatan utama - Jabatan Perolehan dan Hartanah - bagi menguruskan aset-aset PNB bermula daripada pembelian, penyelenggaraan dan pelupusan.
GAMESYS	PNB FunD (Penyelesaian Berbentuk Permainan)	FunD, kombinasi antara 'Fun' dan Duit/Dolar, adalah penyelesaian berbentuk permainan yang boleh dimasukkan ke dalam portal ASNB dan mungkin juga aplikasi mudah alih pada masa depan.
PNBPOINTS	Program Ganjaran Kikitangan (Aplikasi berdasarkan masa sebenar)	Idea ini adalah mekanisme tambahan untuk memberikan ganjaran dan mengenal pasti kerja keras serta dedikasi dengan manfaat sebenar. Setiap kikitangan akan mempunyai akaun yang menunjukkan maklumat terperinci dan mata ganjaran yang dimiliki. Mata ganjaran berkenaan boleh ditebus dengan baucar pengguna.

Pemenang PGIC 2018

NAMA KUMPULAN	SYARIKAT	TEKNOLOGI	KETERANGAN
IO TEAM	PROLINTAS	Aplikasi Mudah Alih Anti Panik	Aplikasi bantuan digital untuk membantu pengguna jalan raya ketika kecemasan serta cara untuk berhubung dan mendapatkan bantuan di sepanjang lebuh raya di bawah kelolaan PROLINTAS.
UMW IoT PROJECT	UMW Industrial Power Services Sdn Bhd	Internet Pelbagai Benda (IoT) ke Atas Genset Mekanikal Lama	Mengintegrasikan 'IoT' dan analitik data besar ke dalam genset mekanikal untuk mengubah genset menjadi elektronik.
FUTURA	CCM Duopharma Biotech Berhad	EazyFizzy	Pil effervescent (air) yang mengatasi masalah bekas penyimpanan yang besar dan masalah kehadiran bahan pengawet dalam produk cecair yang menyebabkan tindak balas alergi kulit yang menyebabkan dermatitis.
KLEC-PI	S P Setia Berhad	Sewa Jangka Pendek	Idea ini adalah untuk pangaspuri/kondominium berorientasikan perkhidmatan yang boleh dimanfaatkan oleh pelabur dari pasaran sewaan jangka pendek.
NANOPURE	CCM Polymers Sdn Bhd	Penulenan Dipermudahkan	Rekaan sistem polimer berfungsi tinggi untuk proses merawat air.
GREEN TURBO	Sime Darby Plantation Berhad	Tenaga Swacukup	Idea untuk menggantikan turbin kilang minyak sawit dengan mengoptimumkan penggunaan bahan api biomas untuk memaksimumkan penjanaan biomas yang berlebihan.







“

Dalam kita berusaha meluaskan impak untuk memberikan manfaat bukan hanya kepada pihak berkepentingan langsung dengan kita, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia, PNB telah membangunkan strategi tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang membentuk bahagian penting dalam budaya organisasi kami. Rangka kerja CSR PNB **mendukung objektif sosial dalam bidang pendidikan untuk mereka yang kurang berasas baik dan untuk perkembangan profesional**, dalam bidang kesihatan dan juga meningkatkan kadar celik kewangan yang akan menyumbang terhadap usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat.”

Tan Sri Dr. Zeti Aziz

Pengerusi Kumpulan
Pelancaran Rasmi Pusat Imbasan IJN-PNB

Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat

Sebagai sebuah institusi pelaburan yang ditubuhkan dengan mandat yang jelas dan khusus untuk masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, apa jua yang dilakukan oleh PNB adalah untuk kepentingan masyarakat semata-mata. Produk unit amanah kami bertujuan untuk menggerakkan simpanan pemegang unit dan menjana pulangan yang mampu daripada setiap pelaburan mereka, seterusnya meningkatkan bahagian mereka dalam pemilikan ekuiti dan membolehkankekayaan korporat negara dikongsi dan diagihkan secara adil. Pada masa yang sama, mandat PNB meletakkan kami pada kedudukan yang penting untuk berdepan dengan cabaran sosio-ekonomi yang dihadapi oleh rakyat negara ini.

Menyedari matlamat PNB yang lebih besar, sejak empat dekad lalu, kami telah berusaha membentuk nilai sepunya dalam dimensi sosial yang lebih luas, melebihi kepentingan pulangan kewangan. Matlamat ini diringkaskan dalam empat teras. Yang pertama, kami berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan dan juga mobiliti sosial dengan memperluaskan akses kepada peluang pendidikan. Kedua, pemasaran produk kami lazimnya berjalan seiring dengan tumpuan kami terhadap celik kewangan yang bertujuan untuk menjadi pemangkin kepada peralihan paradigma minda rakyat Malaysia dalam bidang perancangan dan pelaburan kewangan. Ketiga, PNB aktif menyokong inisiatif yang mampu menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat. Akhir sekali, kami berusaha untuk memudahkan perkembangan dan perkongsian pengetahuan rakyat negara ini dalam bidang yang berkaitan dengan operasi dan mandat kami.

Sebahagian program CSR kami dikendalikan sendiri oleh PNB, ia berpandukan pengalaman luas kami dalam bidang seperti pemasaran dan celik kewangan serta pemberian biasiswa. Pada masa yang sama, PNB turut bekerjasama dengan entiti dan agensi kerajaan yang mana perkongsian strategik ini mampu mewujudkan penyelesaian yang benar-benar praktikal dan mampu ketika berdepan dengan sebarang cabaran dan permasalahan.

Inisiatif CSR PNB merupakan platform untuk Kumpulan berhubung dengan masyarakat, termasuk pemegang unit kami, dan menjadikan kami lebih memahami tentang keperluan, matlamat dan kebimbangan mereka terhadap kewangan. Memandangkan ramainya bilangan kakitangan yang terlibat dalam perancangan, penganjuran dan penyelarasannya inisiatif CSR PNB menerusi program-program yang melibatkan seluruh syarikat seperti Minggu Saham Amanah Malaysia, ia memberi peluang kepada kakitangan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat, di luar lingkungan skop pekerjaan sehari-hari mereka.

TERAS-TERAS CSR PNB

01 Pendidikan

Memutuskan kitaran kemiskinan dan mewujudkan generasi profesional masa depan yang berkaliber tinggi.



02 Literasi Kewangan

Mewujudkan masyarakat celik kewangan dan pelaburan



03 Peningkatan Taraf Hidup Masyarakat

Membangunkan masyarakat yang teguh secara holistik



04 Inisiatif Perkongsian Pengetahuan

Meningkatkan pengetahuan masyarakat, khususnya dalam bidang pelaburan.





Teras 1:

Pengetahuan

Pendidikan adalah teras utama aktiviti CSR kami kerana hanya dengan menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi kami dapat membangunkan tenaga kerja yang mahir untuk menyokong pertumbuhan negara ini.

Menerusi inisiatif PNB di bawah teras pendidikan, sejumlah RM210 juta nilai biasiswa telah dikeluarkan sejak ia dimulakan untuk meningkatkan taraf hidup 4,044 pelajar

+ 4,044

penerima biasiswa sejak dimulakan

+ 2,183

pemegang biasiswa semasa

Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana Yayasan Tun Ismail (YTI)

Biasiswa diberikan kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan PNB di universiti terkemuka di dunia.

+ 367

Pelajar sejak dimulakan

+ Kursus Terpilih:

- Perakaunan
- Kewangan
- Undang-undang
- Matematik
- Sains Aktuari
- Kejuruteraan



 **Antara 20 Universiti terkemuka di UK**



Imperial College London

 UNIVERSITY OF CAMBRIDGE



 THE LONDON SCHOOL OF ECONOMICS AND POLITICAL SCIENCE

 **Antara 20 Universiti terkemuka di AS**



Stanford University







 **Tiga Universiti di Australia**



 Australian National University

 THE UNIVERSITY OF QUEENSLAND AUSTRALIA

Inisiatif Akauntan Bertauliah PNB (PCA)

PNB bekerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), Kolej Pendidikan INTEC dan Ernst & Young Malaysia untuk melahirkan lebih ramai akauntan Bumiputera bertauliah menjelang 2022. Pelajar tajaan PCA diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Pendidikan INTEC, Pusat Kecemerlangan Perakaunan Sunway TES dan Kolej SENTRAL Pulau Pinang.

Pelajar tajaan PCA telah memperoleh rekod prestasi yang cemerlang dan memenangi anugerah. Antaranya, pada 2018, seorang pelajar telah menerima anugerah daripada Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) manakala tiga orang pelajar Juruteknik Perakaunan Bertauliah (CAT) juga turut menerima anugerah kecemerlangan.



Wan Nor Mafudah Wan Yusof (kanan) dinobat Pelajar Terbaik Dunia bagi kertas Laporan Kewangan Korporat ACCA pada 2018.

Di sebelahnya, Siti Nadiah SH Salleh, memenangi anugerah Kecemerlangan Perakaunan - Tertinggi dalam Kelas selepas mendapat skor 100% dalam Perakaunan di Institut Akauntan Bertauliah bagi Sijil Kewangan, Perakaunan dan Perniagaan dari Institut Akauntan Bertauliah England and Wales pada peperiksaan 2017.

30

Akauntan bertauliah
telah tamat belajar

893

Pelajar sedang
mengikuti pengajian

Dengan kerjasama



Penyedia pendidikan



Kelayakan ditawarkan

- Juruteknik Perakaunan Bertauliah (CAT)
- Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
- Sijil Kewangan, Perakaunan dan Perniagaan (CFAB-ICAEW)
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

Biasiswa untuk Anak-anak Kakitangan PNB dan Bekas Pelajar Kolej ILMU PNB

Kami juga menawarkan biasiswa untuk anak-anak kakitangan PNB untuk mengikuti kursus asas, diploma atau sarjana muda di universiti tempatan atau universiti swasta terpilih di Malaysia.

Sokongan kewangan dan pendidikan turut diberikan kepada bekas pelajar Kolej ILMU PNB untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan terpilih. Pelajar-pelajar adalah daripada keluarga kurang bernasib baik di Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Seramai 314 pelajar telah dibiayai sejak program ini mula diperkenalkan pada 2005.

Bekas pelajar Kolej ILMU PNB

314

Pelajar sejak
diperkenalkan

Universiti tempatan

21

Universiti awam

16

Universiti swasta

4

Universiti luar negara di
Malaysia



Teras 2:

Literasi Kewangan

PNB terus komited untuk mewujudkan masyarakat celik kewangan dan pelaburan menerusi pelbagai inisiatif dan aktiviti yang mendekati anggota masyarakat tanpa mengira usia dan dari semua lapisan masyarakat. Program pendidikan kewangan kami sentiasa berkembang sejak awal penubuhan PNB dan kini terdiri daripada program jangka panjang berstruktur dan sistematik yang memberi penekanan terhadap pemahaman mengenai risiko dan pulangan serta kepentingan melabur secara konsisten.

Minggu Saham Amanah Malaysia

Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) berlangsung setiap tahun bermula 20 April. Sejak acara ini dimulakan pada 2000, sebanyak 19 pameran telah dianjurkan di seluruh negara dan bergerak ke semua ibu negeri dan kemudian ke bandar-bandar yang lebih kecil. Disokong oleh kerajaan negeri, agensi kerajaan dan syarikat korporat, pemegang unit dan pengunjung berpeluang memahami dan belajar tentang bagaimana wang mereka dilaburkan di samping turut serta dalam pelbagai aktiviti mesra keluarga sepanjang tempoh acara berlangsung.


Pada tahun lalu, acara ini telah diadakan di Batu Pahat, Johor dan menarik seramai 200,168 pengunjung dengan kadar purata 28,595 orang setiap hari. Unik pada acara kali ini, satu aplikasi mudah telah dibangunkan untuk membolehkan penglibatan pelanggan secara digital. Aplikasi ini asalnya merupakan satu daripada idea pemenang Cabaran Inovasi Kumpulan PNB 2017 yang membolehkan peserta mendapatkan lebih banyak informasi mengenai program dan aktiviti. Peserta juga mempelajari cara menggunakan portal myASNB.com dan portal ejen kami untuk melakukan transaksi dalam talian yang melibatkan dana amanah PNB.



+ MSAM 2018, Batu Pahat
200,168
 Jumlah pengunjung

+ Penyertaan syarikat pelabur:
Kira-kira 50 syarikat/organisasi/agensi



MSAM: Lokasi dan bilangan pengunjung sejak 2000



Seminar Pelaburan 360 Hari

Perancang kewangan yang berkelayakan dari ASNB mengendalikan seminar setiap hari di lokasi berbeza di seluruh negara. Program ini mengajar konsep perancangan kewangan kepada semua segmen masyarakat. Para peserta juga mempelajari prinsip-prinsip asas pelaburan dengan jayanya dan memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang lanskap pelaburan semasa.



2018

+ **385**
Jumlah seminar

+ **29,485**
Jumlah peserta

Sejak dimulakan

+ **7,147**
Jumlah seminar

+ **682,328**
Jumlah peserta



Kelab Pelaburan Bijak

Bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan generasi muda. Sasaran Kelab Pelaburan Bijak PNB adalah pelajar sekolah menengah. Sehingga 2018, sejumlah 155 buah sekolah menengah telah mempunyai Kelab Pelaburan Bijak di sekolah masing-masing



2018

+ **139,645**
Jumlah peserta

Sejak dimulakan

+ **955,040**
Jumlah peserta



Kuiz Pelaburan PNB

PNB juga menganjurkan Kuiz Pelaburan PNB iaitu pertandingan kuiz di seluruh negara yang melibatkan peserta daripada empat kategori utama. Kuiz ini menguji mereka tentang konsep utama berkaitan pelaburan, perancangan kewangan, unit amanah, serta risiko dan pulangan.

Pada 2018, sebanyak 879 buah sekolah menengah, 30 buah universiti, 27 institusi latihan guru dan 14 badan beruniform telah terlibat dalam program ini.

2018

+ **62,888**
Jumlah peserta

Sejak dimulakan

+ **511,294**
Jumlah peserta






Teras 3:

Peningkatan Taraf Hidup Masyarakat

PNB berusaha mewujudkan nilai untuk masyarakat keseluruhan dengan menyumbang kepada usaha pembangunan negara yang lebih luas dan pembangunan masyarakat yang teguh secara holistik. Untuk tujuan ini, sumbangan dermawan kami disalurkan ke bidang-bidang yang membolehkan kami memberi impak positif. Ini juga melengkapkan inisiatif pendidikan dan celik kewangan kami dalam usaha menangani pelbagai cabaran sosio ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat awam. Pada 2018, inisiatif CSR kami di bawah Peningkatan Taraf Hidup Masyarakat. Teras ini meliputi bidang pembangunan masyarakat, pendidikan, aktiviti kesenian dan kebudayaan serta keagamaan.

Sumbangan untuk Aktiviti Peningkatan Taraf Hidup Masyarakat pada 2018



Beberapa sumbangan penting dalam aktiviti-aktiviti ini termasuk:

Pembangunan Masyarakat

- **Skim Perumahan Teratak Semai.** Projek yang dibiayai oleh PNB bagi menyediakan keperluan asas Orang Asli Semai di Tapah, Perak dengan membina 10 unit rumah tradisional. Projek ini dimulakan oleh sekumpulan pakar dan pelajar-pelajar dari Fakulti Rekabentuk & Senibina Universiti Putra Malaysia.



Perubatan & Penjagaan Kesihatan

- Pelancaran Pusat Imbasan IJN-PNB.** Pengurus Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, bersama Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye, telah menyaksikan pelancaran Pusat Imbasan di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur. Usaha ini susulan sumbangan PNB sebanyak RM30 juta pada 2017. Sumbangan ini disalurkan untuk pembelian peralatan baharu dan pengubahsuaian, menambah kelengkapan serta penyelenggaraan Pusat Imbasan IJN-PNB yang baru bertempat di Jabatan Radiologi yang sedia ada.



- Pusat Hemodialisis, Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor.** Sempena pelancaran MSAM di Batu Pahat, Johor, sejumlah RM700,000 disumbangkan kepada Pusat Hemodialisis di Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor untuk menambah baik kemudahan dan pembelian kelengkapan baru.



- Sistem Pendengaran dan Pemeriksaan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.** PNB menyumbang lima unit bantuan pendengaran “Distortion Product Otoacoustic Emission” (DPOAE) bernilai RM100,000 kepada Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kota Bharu, Kelantan. Sumbangan ini bagi membantu pendengaran bayi yang mempunyai masalah pendengaran.



- Unit Gastroenterologi & Hepatologi, Pusat Pakar Perubatan UiTM.** PNB menyalurkan sumbangan kelengkapan perubatan bernilai RM3 juta kepada Unit Gastroenterologi & Hepatologi Unit, Pusat Pakar Perubatan UiTM di Sungai Buloh, Selangor dalam usaha menyokong meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mendapatkan pemeriksaan kanser yang betul.

Kesenian & Kebudayaan

- PNB menyumbang kepada inisiatif CENDANA (Agensi Pembangunan Budaya Ekonomi) “Art in the City”; inisiatif paparan seni di luar bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap bidang kesenian dan kebudayaan. Seperti dalam gambar, lukisan pada bangunan PNB ini merupakan hasil kerja seni Kok Yew Puah (atas kiri), Mohd Hoessein Enas (atas kanan) and Syamsul Addenno (bawah).





Teras 4:

Inisiatif Perkongsian Pengetahuan

Inisiatif Perkongsian Pengetahuan kami terdiri daripada pelbagai acara, penerbitan dan lain-lain program berdasarkan pengetahuan. Inisiatif-inisiatif ini membolehkan mereka yang pakar, pemegang kepentingan dan masyarakat untuk bertukar-tukar fikiran dan terlibat secara aktif dalam sesi dialog mengenai pelbagai topik strategik yang berkaitan dengan PNB.

Sesi Meja Bulat CEO PNB 2018

Sesi Meja Bulat CEO PNB 2018 mengumpulkan 80 peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi korporat Malaysia serta pakar daripada pelbagai industri dan kepimpinan. Samuel M. Lam, Presiden dan Pengurus Perundingan Linkage Asia membentangkan ceramah bertajuk “Penyelidikan ke atas Kepimpinan Penuh Tujuan”, diikuti dengan panel perbincangan bertajuk “Realiti Kepimpinan PNB” yang antara lain, membincangkan mengenai kualiti pemimpin luar biasa, kepentingan melabur dalam bakat tenaga mahir untuk pertumbuhan yang mampan dan bagaimana menguruskan kepelbagaian dalam kalangan tenaga kerja.



Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali

Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) adalah yayasan yang ditubuhkan pada 1999 bagi memperingati dedikasi Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali sebagai Pengerusi pertama PNB dan pelbagai sumbangan beliau kepada negara.

YTI menerima dan mentadbir dana untuk tujuan pendidikan dengan memberikan bantuan kepada pelajar pintar untuk melanjutkan pelajaran di universiti paling berprestij di dunia. YTI juga telah menubuhkan Kerusi Profesor di universiti-universiti tempatan, membantu aktiviti pendidikan seperti geran untuk memulakan penyelidikan akademik dalam bidang terpilih dan dana untuk tujuan kebajikan serta aktiviti perkongsian pengetahuan dengan masyarakat menerusi ceramah YTI dan penerbitan buku-buku di bawah Kerusi Profesional.

Aktiviti YTI Sejak Penubuhan dan Sorotan Aktiviti pada 2018

KERUSI PROFESOR YTI

Sejak Dimulakan

12 Pemegang kerusi:

Di **4** Universiti tempatan di Malaysia

2018

2 Pemegang kerusi:

Di **2** Universiti tempatan di Malaysia

PENGETAHUAN & KEPAKARAN

Sejak Penubuhan

12 Buku diterbitkan oleh pemegang Kerusi YTI

2018

2 Buku diterbitkan oleh pemegang Kerusi YTI

Universiti Malaya

(Undang-undang Korporat, Sekuriti & Kewangan)



Prof Dr. John H. Farrar
(2007)



Prof. Tuan Razeen Sappideen
(2011 - 2013)

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Kewangan & Pelaburan)



Prof Dr.
Abdul Mansur
Mohammed
Masih (2004)



Prof Dr. S.
Ghon Rhee
(2005)



Prof. Dr. Erik
S. Reinert
(2013)



Prof Dr. Ben
Jacobson
(2015)

Universiti Sains Islam Malaysia

(Kewangan & Perbankan Islam)



Datuk Dr.
Mohd Daud
Bakar
(2017 - 2018)



Dr. Zamir Iqbal
(2012 - 2013)



Prof Dr.
Mohamed
Obaidullah
(2015)

Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)

(Kepimpinan)



Prof Catarina
Tully
(2018)



Prof. Dr. Erik
van de Loo
(2013 - 2015)



Prof. Dr Nicholas
H. Barker
(2016 - 2017)

Sejak Penubuhan

12 Buku diterbitkan oleh pemegang Kerusi YTI

2018

2 Buku diterbitkan oleh pemegang Kerusi YTI



Board Leadership
and Integrity (2013)
- Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK)



Corporate
Governance and
Boards (2015)
- Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK)



Extending the
Boundaries in Islamic
Finance (2018)
- Datuk Dr. Mohd
Daud Bakar (USIM)



Critical Readings
in Islamic Social
Finance (2016)
- Prof. Dr. Mohamed
Obaidullah & Dr.
Nurul Aini Muhamed
(USIM)



Critical Success and
Failure Factors in
the Islamic Financial
Industry in the 21st
Century (2017)
- Datuk Dr. Mohd
Daud Bakar (USIM)



Mainstreaming Islamic
Finance: Unveiling
Critical Success &
Failure Factors
- An Insider and Global
Perspective (2018)
- Datuk Dr. Mohd
Daud Bakar (USIM)



The Shaking
Foundation of
Finance (2015)
- Prof. Dr. Ben
Jacobson (UKM)



Managing
Philanthropy for
Social Security
and Economy
Empowerment (2015)
- Prof. Dr. Mohamed
Obaidullah (USIM)

Biografi Korporat PNB

Sempena ulang tahun PNB ke-40, kajian penuh dan biografi korporat berjudul "In Trust: A History of PNB" telah dilancarkan oleh Pengerusi Kumpulan, Tan Sri Dr. Zeti Aziz pada 26 November 2018. Pelancaran turut disempurnakan oleh Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, mantan Pengerusi PNB dari 1996 hingga 2016 yang juga penasihat buku berkenaan, bersama Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB.


Buku ini telah ditulis oleh Nicholas J. White, Profesor Sejarah Imperial & Komanwel di Liverpool John Moores University, yang dipilih khusus oleh Tun Ahmad Sarji, berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran beliau mengenai sejarah ekonomi dan perniagaan Malaysia dalam tempoh akhir dan pasca penjajahan. Bekerjasama rapat dengan PNB Research Institute, beliau menghasilkan biografi yang menceritakan mengenai penubuhan PNB dan menggambarkan bagaimana perkataan amanah itu telah membentuk PNB - amanah daripada Kerajaan, amanah daripada pemegang unit dan prinsip integriti serta tadbir urus yang baik, yang menjadi pegangan semua di PNB sejak penubuhannya pada 1978.

Dua sesi pembacaan buku bersama pengarang juga telah dianjurkan. Sesi pertama khusus untuk kakitangan PNB dan sesi kedua bersama pelajar dan kakitangan akademik UNIRAZAK. Selari dengan usaha PNB untuk menggalakkan masyarakat untuk mendalami bagaimana dan mengapa PNB ditubuhkan serta mandat penubuhannya, salinan percuma telah diberikan kepada universiti/akademik terpilih serta Perpustakaan Negara, Arkib Negara dan institusi awam terpilih.



Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Bumiputera

Komitmen kami kepada pembangunan sosial masyarakat Bumiputera bertitik tolak daripada keyakinan kami bahawa untuk meningkatkan taraf hidup Bumiputera tidak terhad kepada penciptaan kekayaan semata-mata. PNB berusaha menyediakan Bumiputera yang layak dengan akses kepada peluang dan pertumbuhan menerusi pelbagai inisiatifnya sama ada pembangunan modal insan, pendidikan, pembangunan vendor atau peningkatan taraf hidup masyarakat.





ASNB
dah
online
lah

ASNB
dah
online
lah

Maksim
Simpul
KWSP



“

Kita tidak seharusnya mengabaikan inti pati tadbir urus yang baik.

ia bukan sekadar untuk tujuan semakan semata-mata, tetapi maksud sebenar tadbir urus yang baik adalah lebih daripada hanya menerap dan mengguna pakai amalan terbaik, yang sebenarnya bertujuan memaksimumkan nilai jangka panjang bagi para pemegang saham.”

Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid

Mantan Pengerusi Kumpulan PNB

In Trust: A History of PNB

Penyata Tadbir Urus Korporat

Pengenalan

PNB percaya bahawa budaya ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti adalah paling utama dalam memastikan komitmen untuk menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia. Dalam keadaan pasaran semasa yang mencabar ini, adalah penting bagi PNB untuk memastikan pematuhan kepada standard Tadbir Urus Korporat yang tertinggi, yang bergantung kepada dasar dan proses dalamannya. Sehubungan itu, walaupun PNB bukan syarikat tersenarai awam, ia tetap berusaha untuk mencapai hasil yang disasarkan daripada tiga prinsip utama tadbir urus korporat yang baik yang membentuk asas kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia:

PRINSIP UTAMA A	PRINSIP UTAMA B	PRINSIP UTAMA C
Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah	Pengurusan Audit dan Risiko Yang Berkesan	Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Hubungan Baik dengan Pihak Berkepentingan

Prinsip Utama Tanggungjawab Pengarah

Kelestarian dan pertumbuhan PNB sentiasa bergantung kepada pelaksanaan peranan asas Lembaga Pengarah yang termasuk:

- menetapkan dan memantau objektif perniagaan strategik Kumpulan;
- mengkaji semula dasar dan prosedur untuk memastikan perlakuan korporat selari dengan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban;
- mengkaji semula kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan, sistem maklumat pengurusan dan pematuhan terhadap undang-undang yang berkenaan;
- memantau prestasi pengurusan dan menyemak semula pelan penggantian; dan
- menilai pelaksanaan sistem pengurusan risiko.

Lembaga Pengarah

Budaya sihat Lembaga Pengarah yang menggalakkan dan mempertahankan amalan tadbir urus yang baik memastikan kepentingan pihak berkepentingan dan mandat daripada kerajaan dilindungi. Amat penting bagi Lembaga Pengarah mempunyai pemahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Pengerusi Kumpulan bertanggungjawab untuk memastikan amalan tadbir urus, keberkesanan yang baik dan keberkesanan kepimpinan, dan keberkesanan Lembaga Pengarah. Tanggungjawab setiap Pengerusi Kumpulan dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) serta Lembaga Pengarah, Jawatankuasa dan pengurusannya, jelas dinyatakan dalam Piagam Lembaga.

Ketika ini, Lembaga Pengarah terdiri enam ahli yang terdiri daripada seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, seorang Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, dan enam orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Tempoh jawatan Pengarah bebas dalam Lembaga tidak melebihi tempoh terkumpul sembilan tahun.



Mesyuarat Lembaga Pengarah (Kekerapan Mesyuarat)

Lembaga Pengarah mengadakan sekurang-kurang empat mesyuarat setahun, dengan tambahan mesyuarat khas yang akan dikendalikan sekiranya keadaan memerlukan mesyuarat tersebut diadakan, seperti untuk meluluskan cadangan korporat, pelan dan hala tuju perniagaan strategik atau apa-apa perkara yang memerlukan keputusan Lembaga Pengarah.

Pengendalian Mesyuarat (Agenda Lembaga)

Pada setiap mesyuarat, Pengerusi Kumpulan atau Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing memberikan ringkasan dan menggariskan agenda mesyuarat tersebut. Pengerusi menyemak agenda Lembaga dan jawatankuasa seperti yang dikehendaki. Para Pengarah yang menghadiri mesyuarat bebas untuk mencadangkan mengena agenda mesyuarat. Setiap Pengarah juga bebas untuk mencadangkan perbincangan sebarang isu yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan atau apa jua perkara yang berkenaan.

Setiausaha Syarikat Kumpulan

Setiausaha Syarikat Kumpulan seharusnya berkelayakan dan cekap untuk menyokong Lembaga Pengarah dalam menyediakan nasihat tadbir urus yang baik, memastikan pematuhan kepada peraturan dan prosedur serta menyokong amalan tadbir urus korporat yang terbaik.

Pengagihan Bahan-bahan Mesyuarat

Pada masa ini, mesyuarat Lembaga Pengarah mengamalkan sistem tanpa kertas dengan penggunaan Sistem BoardPac. Sistem ini membolehkan Setiausaha Syarikat Kumpulan memberi akses segera kepada Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa bahan-bahan mesyuarat sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah dimulakan. Sistem tanpa kertas ini membolehkan mesyuarat Lembaga Pengarah dikendalikan dengan cekap dan ahli-ahli Lembaga Pengarah dikemas kini dengan serta-merta mengenai apa-apa pindaan kepada mana-mana kertas kerja mesyuarat. Ahli-ahli Lembaga Pengarah akan menerima bahan mesyuarat yang lengkap dan tepat dalam tempoh yang munasabah (lima hari kalendar) sebelum mesyuarat.

Akses kepada Nasihat

Dalam melaksanakan tugas dan obligasi masing-masing, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya mempunyai akses langsung kepada para pegawai dan kakitangan PNB dan mungkin juga melibatkan pihak ketiga yang bebas sekiranya perlu yang mana perbelanjaannya akan ditanggung oleh Kumpulan.

Percanggahan Kepentingan

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan PNB. Mereka juga tidak pernah disabitkan sebarang kesalahan selain kesalahan lalu lintas dalam tempoh 10 tahun lalu.

Pelantikan (Pemilihan Pengarah)

Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan bertanggungjawab terhadap calon-calon pengarah. Pemilihan individu yang memiliki gabungan kemahiran dan pengalaman adalah amat penting agar Lembaga Pengarah dapat memberikan kepimpinan yang jelas dan berkesan sambil memupuk amalan tadbir urus yang baik.

Calon yang berpotensi dipilih daripada pelbagai latar belakang bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai gabungan keupayaan, kemahiran dan pengalaman akan dipilih. Komposisi Lembaga Pengarah turut disemak secara berkala bagi memastikan sumbangan yang berkesan dalam setiap pertimbangan Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pihak Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu Lembaga Pengarah mengendalikan fungsi atau bidang-bidang tertentu dengan lebih cekap. Terdapat sembilan Jawatankuasa di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan
2. Jawatankuasa Pelaburan
3. Jawatankuasa Audit
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko
5. Jawatankuasa Pematuhan
6. Jawatankuasa Tender
7. Jawatankuasa Pelaburan Hartanah
8. Jawatankuasa Rayuan
9. Jawatankuasa Penasihat Syariah

Setiap Jawatankuasa ini memiliki fungsi dan bidang tugas yang berasingan dan takrifan tersendiri, yang memperincikan skop bidang kuasa dan tanggungjawab yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Setiap pengerusi melaporkan mengenai perkara-perkara yang telah dibincangkan dan tindakan yang diambil dalam mesyuarat mereka kepada Lembaga Pengarah selepas setiap mesyuarat. Setiap jawatankuasa akan menyemak fungsi dan bidang tugas masing-masing, manakala Lembaga Pengarah akan membuat pelarasian seperti yang diperlukan. Lembaga Pengarah, boleh dari semasa ke semasa menubuhkan dan mengekalkan jawatankuasa tambahan sekiranya perlu.

Kehadiran Mesyuarat

Butiran Mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang TK2018 dinyatakan di bawah:

Tarikh	Bilangan Ahli Lembaga Pengarah	Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah
1 Mac 2018	9	8/9
13 Mac 2018	9	8/9
17 Mei 2018	9	7/9
25 Jun 2018	8	6/8
29 Jun 2018	8	7/8
16 Ogos 2018	7	7/7
21 Nov 2018	7	6/7
6 Dis 2018	7	6/7

Maklumat Kehadiran Mesyuarat

Rekod kehadiran Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan 2018 adalah seperti yang berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Tan Sri Abdul Wahid bin Omar <i>(Bersara pada 30 Jun 2018)</i>	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz <i>(Dilantik pada 1 Julai 2018)</i>	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	3/3
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan / Eksekutif Bukan Bebas	8/8
Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah	Bebas Bukan Eksekutif	6/8
Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa	Bebas Bukan Eksekutif	6/8
Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar bin Abdullah <i>(Bersara pada 23 Mei 2018)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	-
Tan Sri Zarina Sameehah binti Anwar	Bebas Bukan Eksekutif	8/8
Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin <i>(Bersara pada 30 Jun 2018)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	3/4
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari	Bebas Bukan Eksekutif	8/8
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif	8/8

Nota: Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah, Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa and Tan Sri Zarina Sameehah binti Anwar , masing-masing bersara pada 31 Disember 2018. Bermula 1 Januari 2019, komposisi Lembaga Pengarah PNB terdiri daripada yang berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Status
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan /Eksekutif Bukan Bebas
Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir	Bebas Bukan Eksekutif
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari	Bebas Bukan Eksekutif
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif

Fungsi setiap jawatankuasa dan juga ahli serta kehadiran sepanjang tahun kewangan 2018 adalah seperti yang berikut:

Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan

Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk menganggotai Lembaga Pengarah PNB dan Syarikat Subsidiari yang Beroperasi, serta Syarikat Strategik, Teras, Kawalan dan Syarikat Pelaburan Minoriti. Jawatankuasa ini turut mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk dilantik sebagai Presiden/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif di PNB, syarikat Subsidiari beroperasi, Syarikat Strategik & Kawalan dan pengurusan kanan PNB. Dalam pemilihan calon-calon, Jawatankuasa ini akan mengikuti dasar dan proses yang telah ditetapkan, antara lain ia akan mengambil kira faktor integriti, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman calon.

Selain itu, Jawatankuasa ini juga membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan imbuhan Pengarah dan pengurusan PNB serta Syarikat Subsidiari Beroperasi adalah adil dan berdaya saing. Ia akan turut memberi perhatian kepada kepentingan semua pihak berkepentingan, serta memastikan dasar-dasar pelantikan dan imbuhan bagi para Pengarah dan kakitangan PNB serta Syarikat Subsidiari Beroperasi, dipatuhi.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Abdul Wahid bin Omar (Pengerusi) <i>(Bersara pada 30 Jun 2018)</i>	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Pengerusi) <i>(Dilantik pada 1 Julai 2018)</i>	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	2/2
Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin <i>(Bersara pada 30 Jun 2018)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	3/4
Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif	6/6
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif	6/6

Perhatian: Komposisi Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan ketika ini adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Pengerusi)	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif



Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah untuk merangka pelan dan strategi serta membantu pemilihan pelaburan untuk portfolio pelaburan PNB dan dana unit amanahnya, tertakluk kepada had kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini turut mempertimbangkan sebarang cadangan untuk penggabungan dan pengambilalihan.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Abdul Wahid bin Omar (Pengerusi) <i>(Bersara pada 30 Jun 2018)</i>	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	6/6
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Pengerusi) <i>(Dilantik pada 1 Julai 2018)</i>	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif	6/6
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas	12/12
Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah	Bebas Bukan Eksekutif	10/12
Professor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali	Bebas Bukan Eksekutif	12/12
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	12/12
Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif	12/12

Nota: Berikutnya persaraan Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah dan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali pada 31 Disember 2018, komposisi Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Pengerusi)	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Audit

Fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk menyemak kualiti dan keberkesanan keseluruhan sistem perakaunan dan kawalan dalam. Jawatankuasa ini akan mengkaji kecukupan dan integriti pelaksanaan audit oleh juruaudit luar dan juruaudit dalam pada setiap tahun kewangan. Dasar perakaunan yang diterima pakai oleh pengurusan dan diterima oleh juruaudit luar akan disemak secara berkala untuk memastikan pematuhan kepada Standard Perakaunan yang berkenaan. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan aktiviti Jawatankuasa Audit ini dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit pada muka surat 119 hingga 120 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa ini menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai falsafah pengurusan risiko, dasar dan strategi pengurangan risiko seperti yang dicadangkan oleh pengurusan untuk menguruskan risiko utama Kumpulan PNB. Ia juga memantau dan meluluskan pembangunan serta penyelenggaraan rangka kerja pengurusan risiko bersepada Kumpulan PNB. Maklumat lanjut mengenai komposisi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dinyatakan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 106 hingga 114 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Pematuhan

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menentukan, meluluskan, menyemak dan memantau Pelan Kerja Pematuhan di Jabatan Pematuhan. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan dan membuat saranan terhadap perkara yang berkenaan. Struktur keseluruhan fungsi pematuhan bagi Kumpulan PNB akan dikaji bila dirasakan perlu. Maklumat lanjut mengenai kompositi Jawatankuasa Pematuhan dan Program Pematuhan PNB dinyatakan dalam Penyata Pematuhan Korporat pada muka surat 115 hingga 118 dalam Laporan Tahunan ini.



Jawatankuasa Tender

Jawatankuasa Tender membantu Lembaga Pengarah untuk mempertimbangkan mengenai tender dan sebut harga setiap aset, bekalan dan perkhidmatan Kumpulan PNB yang bernilai lebih RM2 juta.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	3/4
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas	4/4
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	4/4

Nota: Dengan persaraan Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah pada 31 Disember 2018, komposisi Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:

Ahli	Status
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Pelaburan Hartanah

Matlamat utama Jawatankuasa ini adalah untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab tertentu yang diserahkan oleh Lembaga Pengarah berkaitan aktiviti pelaburan harta tanah dan bertindak sebagai badan pengawas kepada Lembaga Pengarah. Ini bagi memastikan bahawa pelaburan dibuat selari dengan mandat pelaburan dan selari dengan peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Abdul Wahid bin Omar (Pengerusi) <i>(Bersara pada 30 Jun 2018)</i>	Bukan Bebas Bukan Eksekutif	-
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Pengerusi) <i>(Dilantik pada 1 Julai 2018)</i>	Bukan Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas	4/4
Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Professor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif	4/4

Nota: Dengan persaraan Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah dan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali pada 31 Disember 2018, kompositi Jawatankuasa Pelaburan Hartanah adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz (Pengerusi)	Pengerusi Kumpulan/Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Rayuan

Fungsi Jawatankuasa Rayuan ini adalah untuk mendengar rayuan kakitangan yang didapati bersalah berikutan salah laku dan untuk menentukan sama ada hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib setimpal dengan salah laku berkenaan. Jawatankuasa ini turut mempertimbang rayuan daripada kakitangan yang berkenaan tentang penentuan gaji dan kenaikan pangkat mereka. Tiada mesyuarat Jawatankuasa diadakan pada TK2018.

Ahli	Status
Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin (Bersara pada 30 Jun 2018)	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif

Nota: Dengan persaraan Tan Sri Zarinah Sameehah binti Anwar pada 31 Disember 2018 dan Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin pada 30 Jun 2018, komposisi Jawatankuasa Rayuan adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Dr. Mohd Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Eksekutif Bukan Bebas

Jawatankuasa Penasihat Syariah

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memberi nasihat serta pandangan dan panduan mengenai perkara yang berkaitan pematuhan Syariah terhadap pelaburan yang dibuat oleh PNB. Jawatankuasa ini juga membantu PNB untuk mematuhi prinsip Syariah setiap masa.

Ahli	Status	Kehadiran
Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	Bebas Bukan Eksekutif	3/5
Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad	Bebas Bukan Eksekutif	5/5
Dato' As-Sheikh Haji Nooh bin Gadot	Bebas Bukan Eksekutif	3/5
Professor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid	Bebas Bukan Eksekutif	4/5
Dr. Aida binti Othman	Bebas Bukan Eksekutif	4/5

Komunikasi dengan Pemegang Kepentingan

Lembaga Pengarah mengakui pentingnya untuk memastikan pihak pemegang kepentingan mendapat maklumat yang secukupnya dan maklumat terkini mengenai perkembangan Kumpulan. PNB mendedahkan maklumat terkini aktiviti pelaburannya setiap suku tahun, termasuk aktiviti pelaburannya, termasuk keseluruhan peruntukan aset, aset di bawah pengurusan, pendapatan proforma yang digabungkan serentak dan perkembangan berkaitan pelaksanaan Pelan Strategiknya. Menerusi laman web rasmi www.pnb.com.my, orang awam juga boleh memperoleh maklumat terkini mengenai PNB.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang boleh diyakini untuk melindungi kepentingan PNB dan pemegang unit. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini dinyatakan pada muka surat 106 hingga 114 dalam Laporan Tahunan ini.

Dasar Pemberi Maklumat & Dasar Halangan Maklumat

Selari dengan Akta Perlindungan Pemberitahu Maklumat 2010, dan amalan tadbir urus korporat yang baik, PNB menggalakkan semua pihak yang terlibat untuk menyuarakan mengenai sebarang kebimbangan dan perilaku tidak wajar tanpa rasa takut terhadap tindakan yang akan dikenakan terhadap mereka, mereka menjadi mangsa atau ditindas. Dasar Pemberi Maklumat PNB bertujuan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar yang berkaitan salah laku, penyelewengan, urus niaga haram, perlakuan tidak senonoh, tidak berdisiplin, pelanggaran peraturan atau prosedur atau sebarang tindakan yang berbahaya kepada reputasi dan kepentingan PNB, untuk menggalakkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih besar.

Dasar Halangan Maklumat bertujuan untuk melindungi dan menghalang Kumpulan daripada melakukan kesalahan dagangan orang dalam. Oleh itu, pentingnya aturan kerahsiaan dilaksanakan melalui Dasar Halangan Maklumat. Pengarah, Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan semua kakitangan Kumpulan PNB dikehendaki menandatangani Pengisyntihsaran Kepentingan berkenaan dengan pengambilalihan/pembelian/jualan sekuriti-sekuriti syarikat dalam borang Pengisyntihsaran Kepentingan.

Latihan dan Pembangunan Pengarah

Lembaga Pengarah memperakui pentingnya para Pengarah mendapatkan pendidikan berterusan bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka dan memenuhi cabaran industri tertentu. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah terus menilai keperluan latihan untuk setiap Pengarah. Dalam tahun kewangan, semua ahli Lembaga telah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu semasa yang berkaitan dengan PNB serta mengemaskinikan pengetahuan mereka mengenai perkembangan dalam undang-undang dan pengawalseliaan baru.

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri oleh para Pengarah dalam TK2018 adalah seperti berikut:

Kategori	Latihan
Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> Ceramah Peringatan YTI: " Pentakrifian Semula Integriti Kewangan" & Pelancaran Buku PNB "In Trust: A History of PNB" Lawatan Luar Bersama antara Pengurusan Aset dan Pelaburan Strategik PNB Sidang Meja Bulat CEO PNB Mengenai Kepimpinan Penemuan Semua Akar Umbi,Lakaran Hala Tuju Masa Depan ICDM Power Talk I: Lembaga Pengarah Berkesan Dalam Situasi Volatiliti, Ketidaktentuan, Kerumitan, Kesamaran Dunia Sidang Meja Bulat OECD-ASIAN Mengenai Tadbir Urus Korporat 2018 ICDM Power Talk II: Adakah Peraturan Pertimbangan Perniagaan Bantu Pengarah Tidur Lena?
Undang-undang dan Pematuhan	<ul style="list-style-type: none"> AMLATFPUAA 2001: Undang-undang, Pematuhan & Kajian Kes untuk Pengarah Kanan AMLATFPUAA 2001: Risiko, Cabaran, dan ketidaktentuan Terhadap Pendekatan Berasaskan Risiko Seminar Akta Syarikat Baru 2016 - Isu Utama dan Potensi Masalah Tidak Diduga untuk Para Pengarah Persediaan Liabiliti Korporat Untuk Berdepan Rasuah: Apakah Tahap Siap Sedia Syarikat Anda untuk Melindungi Para Pengarah, Pengurusan Atasan dan Kakitangan Terhadap Dakwaan Rasuah?
Perakaunan	<ul style="list-style-type: none"> Persidangan Akaun Antarabangsa MIA 2018 Master Class: Masa Depan Pelaporan Korporat - Melaporkan Cerita Anda
Pasaran Modal	<ul style="list-style-type: none"> Simposium Pasaran Modal Dunia 2018: Kebangkitan Kapitalisme: Pasaran untuk Pertumbuhan Sidang Meja Bulat ke-9 SC-OCIS: Persidangan Teknologi Kewangan (Fintech) 2018: Meningkatkan Nilai Pasaran Modal Menerusi Pelaburan Sosial dan Pelaburan Impak ScxSc
Kewangan Korporat	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan Korporat dan Penetapan Harga Aset di Malaysia (Rundingan dan Kontrak Semula) Seminar IMD: Penciptaan Nilai dan Perkongsian Perniagaan
Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> Seminar Kesedaran Keselamatan Siber dan Maklumat PNB untuk Pengurusan Kanan Kecemerlangan Lembaga Petronas: Program Meja Bulat Mengenai Keselamatan Siber dan Kemampanan Seminar IMD: Masa Depan Teknologi Kewangan (Fintech)/ Gangguan Digital Persidangan Infrastruktur ICT dan Ekonomi Digital ICT Antarabangsa Sarawak 2018 (IDECS 2018)
Hartanah	<ul style="list-style-type: none"> Seminar Pindaan Terkini Hak Milik Strata dan Akta Pengurusan Strata Taklimat Melabur Dalam Pembangunan Hak Milik Strata Bersepadu - Memahami Hak dan Obligasi Pemilik di bawah Akta dan Hak Milik Strata 1985 dan Akta Pengurusan 2013

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalam


Menyedari kepentingan tadbir urus kawal selia, PNB menegaskan komitmen penuhnya untuk memastikan pengurusan risiko yang mantap dan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Tersedianya sistem ini sudah pasti membantu dalam pengwujudan, peningkatan dan perlindungan nilai; pada masa yang sama, mematuhi dasar syarikat dan mencapai matlamat serta objektif kami dalam lingkungan selera risiko yang ditetapkan.

Sistem kawalan dalaman PNB meliputi Pengurusan Risiko, Pematuhan dan Audit Kewangan dan Pengurusan. Sistem ini menyepadukan proses yang berkesan dengan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberi tumpuan kepada prestasi; termasuk semakan terhadap kecukupan dan keberkesanannya sistem pada setiap peringkat pengurusan dan di setiap unit perniagaan.

Bentuk dan skop sistem pengurusan risiko PNB dan kawalan dalaman PNB bagi tahun 2018 dinyatakan seperti yang berikut.

Pengurusan Risiko

1.0 Rangkuman



Pengurusan Risiko merupakan bahagian penting dalam model perniagaan PNB dan kami komited untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko yang mantap menerusi rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM). Rangka kerja ini menyediakan persekitaran kawalan yang kukuh menerusi pelaksanaan sistem dan proses penilaian risiko yang sesuai untuk mengawal risiko. Elemen utama proses ERM yang berkesan ini adalah seperti berikut:


- Proses Penilaian Risiko: Proses keseluruhan untuk mengenal pasti risiko, analisis risiko dan penilaian risiko yang didokumenkan dalam Daftar Risiko.
 - Pemantauan dan Semakan Risiko: Daftar Risiko dan Penunjuk Risiko Utama (KRI) digunakan oleh pihak pengurusan sebagai instrumen untuk memantau dan menguruskan perubahan dalam pendedahan risiko dari semasa ke semasa.

Fungsi pengurusan risiko yang bebas dan penjajaran yang hampir kepada perniagaan dapat memastikan pemantauan risiko yang konsisten dan berkesan. Kami berhasrat untuk melaksanakan perkara yang berikut:

- Melaksanakan proses pengurusan risiko menyeluruh yang menyediakan rangka kerja untuk membina daya tahan organisasi dalam memastikan fungsi perniagaan kritikal dapat terus beroperasi semasa gangguan;
 - Membangun dan mengekalkan pelan pengurusan dengan tahap kesediaan yang tinggi agar terlindung daripada sebarang gangguan kewangan dan fizikal; dan
 - Membangun dan mengekalkan budaya risiko proaktif yang diterapkan dalam Kumpulan, dengan set kemahiran dan kelayakan yang sesuai.

2.0 Struktur Tadbir Urus Risiko

Struktur tadbir urus risiko PNB menggunakan **Model Pertahanan Tiga Barisan**.



2.1 Pengurusan Kanan

2.1.1. Lembaga Pengarah

Lembaga pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan matlamat dan dasar pengurusan risiko serta menentukan nada pengurusan kanan teratas untuk memupuk persekitaran pengurusan risiko dan fungsi pengurusan risiko yang kukuh serta berpengaruh dan dihormati. Pihak Lembaga akan memastikan sistem pengurusan risiko dalam Kumpulan cukup mantap untuk bertindak balas terhadap perubahan dalam persekitaran perniagaan.

Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab mereka kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) yang dibantu oleh Jawatankuasa Pemanduan Pengurusan (RMSC). Namun begitu, Lembaga Pengarah memperakui tanggungjawab keseluruhan pengwujudan dan pemantauan rangka kerja ERM PNB.

2.1.2. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

RMC bertanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengarah dengan menyelia dan meluluskan pembangunan serta menyelenggara kesemua rangka kerja dan aktiviti pengurusan risiko yang sedang berjalan. RMC diberikan tanggungjawab untuk menilai, mengenal pasti, mengukur dan memantau keseluruhan pendedahan risiko Kumpulan dan memastikan tahap pengurangan risiko yang mencukupi disediakan.

Kompositi dan Kehadiran

RMC terdiri daripada maksimum lima orang atau minimum tiga orang ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PNB. Kumpulan PNB, yang kesemuanya adalah Pengarah Bukan Eksekutif, dengan nisbah minimum Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ditetapkan pada satu pertiga daripada bilangan ahli Jawatankuasa. Ketika ini, Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga ahli, dan kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Jawatankuasa ini bermesyuarat seberapa kerap yang dirasakan perlu seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah, tetapi tidak kurang daripada empat kali setahun, sebelum sebarang mesyuarat Lembaga Pengarah. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa. Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak empat mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun kewangan. Komposisi RMC dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	3/4
Tan Sri Zarina Sameehah binti Anwar	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	4/4

Nota: Dengan persaraan Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah dan Tan Sri Zarina Sameehah binti Anwar pada 31 Disember 2018, kompositi RMC adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Seri Dr. Nik Norzul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Mohd. Anwar bin Yahya	Bebas Bukan Eksekutif

2.1.3. Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko

RMSC merupakan jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan. Ia bertanggungjawab secara langsung untuk menyokong, menyelaras dan memantau semua program pengurusan risiko, seperti yang ditugaskan oleh RMC. RMSC turut mengemukakan sebarang cadangan kepada Lembaga Pengarah menerusi RMC bagi setiap perkara berkaitan aktiviti pengurusan risiko di bawah kuasanya atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah.



3.0 RANGKA KERJA ERM PNB

Rangka Kerja ERM PNB mengamalkan pendekatan strategik dan konsisten dalam menguruskan risiko di seluruh Kumpulan menerusi rangka kerja ERM dan aktiviti yang berkaitan. Ini selaras dengan penciptaan nilai dan penjagaan aset Kumpulan.


Rangka kerja ERM menyediakan pendekatan untuk menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko dalam Kumpulan PNB. Ini bagi memastikan PNB mengoptimumkan pulangannya daripada aktiviti pengambilan risiko dalam tahap selera risiko seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Objektif utama penubuhan rangka kerja ERM yang berstruktur dan bersepadan ini dinyatakan seperti berikut:

- Mengenal pasti, menganalisis dan memahami setiap risiko material di semua peringkat dalam Kumpulan;
- Memastikan risiko diuruskan sejajar dengan selera risiko Kumpulan;
- Menerapkan pengurusan risiko dalam membuat keputusan harian dari semasa ke semasa;
- Memastikan strategi, dasar kawalan operasi berkesan dan lain-lain mitigasi yang bersesuaian serta beroperasi dengan berkesan; dan
- Memudahkan budaya risiko proaktif.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka Kerja & Penyata Selera Risiko Kumpulan PNB



3.1. Rangka Kerja Selera Risiko Kumpulan PNB

Selera risiko adalah jumlah dan jenis risiko yang sedia ditanggung oleh PNB dalam usahanya mencapai objektif perniagaannya. Rangka kerja ini digunakan untuk menerangkan dengan jelas Penyata Selera Risiko PNB (RAS) dengan langkah dan metodologi yang disarankan. Selanjutnya, langkah-langkah RAS ini diterapkan ke dalam struktur pengurusan PNB dan digabungkan ke dalam objektif perniagaan dan operasi perniagaan PNB dengan tujuan berikut:

- Untuk menyatakan jenis dan kuantum risiko yang dihadapi oleh PNB berdasarkan nilai teras, strategi, kecekapan pengurusan risiko serta jangkaan pemegang saham;
- Untuk merumuskan had sensitif risiko ke perniagaan dan jenis risiko; dan
- Untuk menentukan penampang risiko yang mencukup untuk menyokong senario tekanan dengan selera risiko PNB.

3.2. Dasar Penunjuk Risiko Utama

KRI digunakan oleh pengurusan sebagai alat untuk memantau dan menguruskan perubahan dalam pendedahan risiko utama dari semasa ke semasa. Ia memberi kefahaman kepada pendedahan risiko operasi perniagaan dan juga kelemahan operasi dan kawalan melalui pemantauan terhadap pendorong utama pendedahan yang berkaitan dengan risiko utama. KRI bertindak meluas sebagai isyarat amaran awal potensi berlakunya risiko dan isu kawalan yang mungkin timbul dalam persekitaran perniagaan semasa.

3.3. Rangka Kerja Risiko Pasaran & Kecairan (MLR)

Rangka kerja MLR yang mantap membantu PNB untuk melindung nilai daripada risiko kerugian dalam kedudukan yang berpunca daripada pergerakan harga pasaran dan meningkatkan keupayaannya untuk menahan kejutan kecairan yang teruk. Pendekatan yang mantap ke arah pengurusan risiko pasaran adalah untuk memastikan risiko dikenal pasti dan dinilai, dan langkah-langkah sesuai disediakan untuk mengurangkan risiko dan meminimumkan kerugian ketika pasaran dalam keadaan yang buruk.

Risiko kecairan boleh ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada institusi berpunca sama ada daripada ketidakupayaannya untuk memenuhi obligasi atau membiayai peningkatan aset. Risiko kecairan diuruskan melalui pendekatan 'atas-bawah' dan 'bawah-atas' untuk mengukur secara aktif dan menilai sumber-sumbernya serta aplikasi dana dengan pemahaman bagaimana pendekatan PNB terhadap pengurusan kecairan boleh memberi kesan kepada risiko dan pulangan keseluruhan.

3.4. Rangka Kerja Risiko Reputasi

Kumpulan PNB mentakrifkan risiko reputasi sebagai "risiko di mana reputasi Kumpulan PNB dicemari oleh satu atau lebih peristiwa seperti yang digambarkan dengan publisiti negatif mengenai amalan perniagaan, tatalaku atau prestasi kewangan PNB". Publisiti negatif ini boleh menjelaskan keyakinan pemegang unit dan pelbagai pihak berkepentingan dalam Kumpulan. Bidang utama risiko reputasi Kumpulan PNB diwakili oleh Pemacu Risiko Reputasi. Setiap pemacu diberikan pemberat dan ditandakan dengan senarai Penunjuk Risiko Reputasi untuk dipantau dalam pelbagai bidang perniagaan yang berbeza dalam Kumpulan PNB.

3.5. Dasar Pengurusan Insiden (IMP)

IMP PNB menggariskan keperluan minimum dan proses untuk mengenal pasti, merekod, melapor dan mengurus insiden dalam PNB. Objektif IMP ini adalah seperti berikut:

- Meminimumkan kesan, pendedahan kepada kerugian dan gangguan disebabkan oleh insiden yang menjelaskan Kumpulan; dan
- Memastikan semua pihak berkepentingan mendapat maklumat secukupnya dan terlibat sewajarnya dalam penyelesaian sebarang insiden.

"Insiden" ditakrifkan sebagai risiko operasi atau peristiwa pematuhan yang berpunca daripada kesilapan kawalan dalam, manusia, sistem, proses atau peristiwa luaran yang berpotensi menyebabkan kesan kewangan, reputasi atau pengawalseliaan ke atas PNB. Ini termasuk peristiwa yang hampir-hampir berlaku, yang boleh menyebabkan kerugian kewangan. IMP mempunyai hubungan langsung dengan Pelan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) ketika berlakunya krisis.

3.6. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Elemen utama rangka kerja ORM adalah seperti berikut:

- **Pengurusan Risiko Operasi**

Menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko operasi dalam PNB. Bersandarkan hal ini, rangka kerja ORM menyumbang kepada pengurusan keputusan prestasi dan menyokong keputusan dalam perniagaan. ORM mengukur risiko kerugian dari proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal, orang dan sistem yang tidak mencukupi atau daripada peristiwa luaran. Kerugian operasi adalah kerugian kewangan sebenar terhasil daripada risiko operasi.

PNB menggunakan ORM dengan objektif yang berikut:


- Untuk menguruskan risiko operasi selari dengan selera risiko Kumpulan;
- Untuk memacu penambahbaikan perniagaan menerusi pengurusan risiko operasi yang berkesan; dan
- Untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menjadikan keupayaan PNB untuk mencapai objektif perniagaan.

- **Dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)**

Dasar ini menggariskan proses, keperluan minimum dan peranan serta tanggungjawab BCM dalam Kumpulan. PNB melaksanakan Dasar BCM dengan matlamat yang berikut:

- Untuk mengekalkan kelangsungan organisasi semasa berlakunya krisis dengan melindungi nyawa manusia dan memudah cara penyambungan proses kritikal perniagaan tepat pada masanya;
- Untuk memastikan operasi perniagaan utama diteruskan pada tahap yang sewajarnya;
- Untuk memastikan pembekalan perkhidmatan dan produk utama terus dikekalkan pada tahap yang sewajarnya; dan
- Untuk melindungi reputasi dan imej Kumpulan.

Pelan BCM terus dipantau, diuji dan dimaklumkan secara berterusan kepada semua peringkat bagi memastikan Kumpulan bersiap sedia jika berlakunya krisis.



4.0 Inisiatif Utama Dilaksanakan dalam TK2018

Dalam memberi sokongan berterusan ke arah mencapai Objektif & Pelan Strategik PNB, Jabatan Pengurusan Risiko telah melaksanakan usaha-usaha berikut:

- Meneruskan usaha membina budaya kesedaran risiko berdasarkan jangkaan pengurusan risiko yang telah ditetapkan untuk organisasi menerusi komunikasi yang jelas dan berkesan serta latihan formal. Antaranya, Jabatan Pengurusan Risiko telah memulakan aktiviti seperti berikut:
 - Komunikasi daripada pihak kepimpinan menggunakan kosa kata pengurusan risiko biasa;
 - Menjelaskan tanggungjawab dan akauntabiliti pengurusan risiko;
 - Mengendalikan pendidikan am mengenai pengurusan risiko, program latihan direka khusus berdasarkan peranan setiap kakitangan, dan juga sesi penglibatan perseorangan; dan
 - Menerapkan kandungan berkaitan pengurusan risiko dalam program induksi atau latihan kemasukan pengambilan baru.
- Terus membina dan meningkatkan daya tahan organisasi terhadap potensi ancaman dengan memperhalusi rangka kerja, dasar dan pelan-pelan sedia ada selari dengan matlamat organisasi perniagaan, keperluan pengawalseliaan dan amalan terbaik, termasuk RAS, KRI Enterprise dan Jabatan, ORM dan Rangka Kerja MLR.
- Terus meningkatkan keupayaan organisasi untuk pulih daripada potensi ancaman menerusi Dasar BCM yang mantap dan pelan-pelan tertentu.

5.0 Melangkah ke tahun 2019

- Mengukuhkan pengurusan kewangan dan risiko operasi dengan menumpukan kepada usaha membantu unit perniagaan mengurangkan pendedahan risiko material dan mengurangkan risiko menerusi Pengurusan Risiko Kewangan (FRM) dan proses ORM yang mantap serta membolehkan penggunaan kaedah lain seperti pendekatan automatik. Ini membolehkan pemantauan dan pengurusan risiko yang lebih efektif pada semua peringkat, serta pembuatan keputusan yang lebih baik dalam usaha mengoptimumkan risiko dan pulangan.
- Terus belajar dan mengguna pakai amalan peneraju industri dan mencapai kemampanan organisasi dengan sentiasa menilai tahap kematangan amalan pengurusan risiko perusahaan yang menyeluruh untuk bertahan daripada sebarang cabaran domestik dan global.

Fungsi Audit Dalam

Pengenalan

Fungsi audit dalam Kumpulan PNB dikendalikan oleh Jabatan Audit Kewangan dan Pengurusan (FMAD). Tanggungjawab utamanya adalah menyediakan perkhidmatan asurans dan perundingan bebas dan objektif serta perkhidmatan rundingan yang relevan dan praktikal. Matlamatnya yang utama adalah untuk menokok nilai dan menambah baik kecekapan operasi Kumpulan PNB dan memastikan pematuhan yang sesuai dengan prosedur, kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko.

FMAD adalah sebahagian daripada Bahagian Asurans Dalam. Ketua Asurans Dalam secara fungsian melapor kepada Jawatankuasa Audit dan secara pentadbiran kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. FMAD membuat laporan terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. FMAD beroperasi secara bebas dalam menetapkan skop dan tahap audit, melaksanakan kerja-kerja audit dan membentangkan keputusan serta penemuan kepada Jawatankuasa Audit. Ahli-ahli FMAD bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh menjaskan matlamat dan kebebasan mereka.

FMAD secara berterusan mengendalikan audit maklumat kewangan, operasi dan sistem maklumat ke atas jabatan-jabatan yang berkaitan pelaburan, unit amanah, harta tanah dan sistem maklumat pengurusan, serta lain-lain jabatan perkhidmatan sokongan dalam Kumpulan PNB.

Aktiviti audit yang dikendalikan oleh FMAD melengkapkan peranan semak dan imbang pihak Jabatan dalam organisasi dan menyediakan jaminan kepada Lembaga Pengarah berkenaan kecukupan dan kecekapan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat PNB. Selain itu, FMAD turut membentangkan peluang-peluang kepada pihak pengurusan untuk menyemak dan menambah baik sistem yang sedia ada, selain mengakses dan mengurangkan risiko yang berkaitan.



Skop Kerja

Setiap tahun FAMD membangunkan pelan audit berdasarkan risiko yang selaras dengan objektif dan strategi keseluruhan PNB dengan menumpukan kepada tanggungjawab utamanya dalam bidang perkhidmatan asurans dan perundingan, bertujuan untuk menokok nilai dan meningkatkan kecekapan. Pendekatan berdasarkan risiko ini memastikan pelarasan aktiviti audit dengan bidang risiko utama seperti yang dikenal pasti, berdasarkan kepada rangka kerja ERM PNB. Pelan audit ini, yang disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit, menetapkan skop kerja audit untuk menentukan fungsi operasi kawalan dalaman, pengurusan risiko, sistem maklumat dan prosedur sistem dalam Kumpulan PNB yang mampu untuk:

- Melindungi aset Kumpulan PNB secara konsisten;
- Mengenal pasti dan mengurangkan risiko secara berterusan;
- Memastikan kebolehpercayaan dan integriti maklumat kewangan dan operasi;
- Memastikan pematuhan antara sistem dengan dasar, pelan, prosedur dan pematuhan yang memberikan kesan yang ketara terhadap operasi dan laporan;
- Memastikan sumber digunakan dengan cekap dalam bidang yang berkaitan; dan
- Memastikan operasi atau program dikendalikan sebagaimana yang dirancang dan hasilnya adalah selari dengan objektif atau matlamat yang telah ditetapkan.

Aktiviti pada TK2018

Sepanjang tahun kewangan, FMAD telah melaksanakan sebanyak 97 tugas audit dalaman, termasuk tugas penyiasatan khas dan ad hoc, selaras dengan pelan audit di seluruh bahagian dan jabatan dalam Kumpulan PNB.

- Pengurusan Aset - termasuk sistem analisis pelaburan, operasi dagangan ekuiti dan sistem pelaburan;
- Pelaburan Strategik - termasuk ekuiti awam dan pelaburan persendirian;
- Operasi Unit Amanah yang diuruskan oleh PNB dan syarikat subsidiarinya - termasuk pengiraan pengagihan pendapatan, fungsi sistem IT serta operasi Hibah Amanah; dan
- Operasi Harta/Hartanah, dan juga operasi amanah hartanah.

Kerja audit oleh FMAD turut meliputi perkhidmatan sokongan seperti kewangan, aktiviti pemerolehan, komunikasi serta perancangan dan pembangunan modal insan dan juga syarikat subsidiari terpilih dalam pelaburan hartanah, pembangunan hartanah dan perniagaan perhotelan.

Laporan FMAD telah diperhalusi di peringkat pengurusan kanan dan pelan tindakan telah disediakan untuk melengkapkan tindakan pencegahan dan pembetulan. Hasil penemuan FMAD dan maklum balas pihak pengurusan juga telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan pihak pengurusan telah melakukan tindakan pemulihan seperti yang dipersetujui. Selanjutnya, FMAD menjalankan audit susulan di jabatan atau unit masing-masing bagi memastikan pelan tindakan yang perlu telah dilaksanakan, serta telah mencapai keputusan seperti yang diharapkan.

Selain itu, PNB kerap mengendalikan latihan pemulihan bencana untuk mengukur kesiapsediaan warga kerjanya dan sistem aplikasi utama ketika berlakunya krisis atau bencana. Pada 2018, FMAD telah menyertai latihan berkenaan sebagai pihak berkecuali untuk menilai keseluruhan hasil latihan dan sama ada matlamat latihan telah dipenuhi.

Menyedari kepentingan teknologi maklumat (IT) dalam lingkungan bidang pelaburan, dan juga bagi meningkatkan keupayaan Audit IT, FMAD turut mengendalikan semakan terhadap pelbagai inisiatif IT yang dilaksanakan oleh PNB. Semakan ini bukan hanya untuk menyediakan penilaian bebas terhadap kedudukan sistem IT PNB, tetapi juga membantu FMAD untuk menuju aras yang berkenaan dan amalan terbaik untuk meningkatkan keseluruhan standard dan kecekapan fungsi Audit IT.

Sebagai sebahagian daripada usaha penambahbaikannya yang berterusan, pada 2018 FMAD telah mengendalikan Semakan Asurans Kualiti yang membolehkannya mengenal pasti bahagian untuk penambahbaikan dan mengambil langkah yang perlu untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapannya. Satu daripada hasil daripada latihan berkenaan adalah penerimaan Piagam Audit Dalaman baru, antara lain kandungannya termasuk meningkatkan peranan dan tanggungjawab audit dalaman dalam menyediakan perkhidmatan nilai tambah dan menyelaras pelan audit dan aktivitinya dengan hala tuju strategik PNB.

Prosedur Operasi Standard

Standard Prosedur Operasi (SOP) dibangunkan untuk meraih kecekapan, kualiti output dan standard prestasi, dan pada masa yang sama, mengurangkan ketidakpatuhan kepada keperluan kawal selia. Ia menyediakan arahan dan garis panduan kepada kakitangan untuk melaksanakan tugas dengan tepat dan konsisten bagi mencapai keputusan akhir dengan kualiti seperti yang dikehendaki. Ia juga merupakan elemen penting dalam sistem kawalan dalam PNB.

Dengan menggabungkan pendekatan berdasarkan risiko seperti yang ditetapkan dalam ISO 9001:2015, SOP peringkat jabatan yang diwujudkan oleh PNB, adalah selari dengan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dan berjaya memenuhi keperluan prasyarat tadbir urus korporat yang baik di semua jabatan. SOP berdasarkan risiko ini membantu kakitangan untuk menjadi lebih sedar dan berhati-hati dengan risiko yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.

Penambahbaikan SOP yang sedia ada dan pembentukan SOP yang baru juga merupakan elemen yang penting dalam pelaksanaan fasa projek Kejuruteraan Semula Proses Perniagaan. Langkah ini membentuk asas bagi kejayaan penyerahan kepada pemilik perniagaan pada peringkat akhir setiap projek. PNB juga telah menubuhkan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) bagi memastikan dokumentasi yang secukupnya bagi semua SOP. Prosedur yang digunakan dalam QMS ini dilindungi secukupnya dan pada masa sama ia boleh diakses oleh kakitangan untuk difahami dan dilaksanakan oleh semua warga kerja PNB.

Pada 2018, PNB telah berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 untuk SOPnya di kesemua tujuh syarikat dan jabatan yang telah diperakui iaitu Pengurusan Aset dan bidang-bidang yang berkaitan, Bahagian Harta/Hartanah, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Perdana Hotel & Suites On The Park Kuala Lumpur (PNBPKL), Hotel Perdana Kota Bharu (HPKB) dan PNB Ilham Resort Port Dickson. Ini dicapai menerusi sokongan kuat, kerja keras dan komitmen yang ditunjukkan oleh Auditor Kualiti Dalam PNB yang dilantik oleh PNB (IQA). Ketika ini, PNB memiliki seramai 60 orang IQA bertauliah dan mereka juga adalah kakitangan Kumpulan PNB.

Selain itu, pada 2018, PNB juga telah berjaya mengekalkan MS 1900:2014 iaitu sijil QMS berlandaskan Syariah untuk PNBPKL, HPKB dan PNB Ilham Resort di mana inisiatif proses penambahbaikan telah dikendalikan dengan pematuhan kepada prinsip Islam. Ini diharap akan meningkatkan kepuasan hati dan keyakinan pelanggan, khususnya kepada mereka yang amat teliti tentang perkara berkaitan pematuhan Syariah.

Penyata Pematuhan Korporat

Sebagai entiti berlesen yang ditadbir oleh peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, PNB akan sentiasa menegakkan dan melindungi kepentingan lebih daripada 13.8 juta pemegang unitnya. Adalah penting bagi PNB menunjukkan standard tertinggi dalam tadbir urus dan pematuhan kepada keperluan undang-undang dan peraturan pihak berkuasa pengawalseliaan, selari dengan visi PNB untuk menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia; justeru pematuhan kepada standard etika yang tinggi serta kewajipan undang-undang dan pengawalseliaan merupakan asas untuk memelihara integriti reputasi kami.

Oleh itu, pendekatan yang sistematik dan jelas perlu diwujudkan dan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan, dasar dan prosedur dalaman dan standard etika yang berkaitan.

Struktur Tadbir Urus Pematuhan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pematuhan PNB atas semua perkara berkaitan undang-undang, peraturan dan garis panduan. Pihak Lembaga Pengarah juga menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan untuk memantau pelaksanaan dan operasi Program Pematuhan oleh Jabatan Pematuhan, dan juga menyelia Pegawai Pematuhan. Pegawai Pematuhan memegang tanggungjawab utama terhadap fungsi pematuhan PNB, justeru akan menubuh, melaksana, mengendali dan memantau Program Pematuhan Kumpulan PNB. Pelaporan Program Pematuhan dibuat secara langsung kepada Jawatankuasa Pematuhan dan Lembaga Pengarah.

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Pematuhan

Jawatankuasa Pematuhan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga ahli, dan sekurang-kurangnya satu-pertiga daripada bilangan ahli Jawatankuasa Pematuhan adalah ahli Bebas. Ketika ini, Jawatankuasa Pematuhan terdiri daripada tiga ahli, dan sebahagian besar daripada mereka adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Jawatankuasa ini bertemu sekurang-kurangnya empat kali setahun. Mesyuarat tambahan akan dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa. Sehingga 31 Disember 2018, empat mesyuarat telah dilangsungkan sepanjang tahun semakan. Komposisi Jawatankuasa Pematuhan dan rekod kehadiran mereka adalah seperti yang berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	3/4
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas	4/4
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	4/4

Nota: Dengan persaraan Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah, komposisi Jawatankuasa Pematuhan adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Abdul Rahman bin Ahmad	Eksekutif Bukan Bebas
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif

Skop Jawatankuasa Pematuhan

Jawatankuasa Pematuhan mempunyai kuasa, dan bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah, untuk memantau, antara lain perkara yang berikut:

- Pengawasan yang sewajarnya dan pemantauan pematuhan berkesan terhadap undang-undang, peraturan, garis panduan, syarat dan peraturan perlesenan yang berkaitan; dan
- Memberi nasihat, bimbingan dan arahan berhubung pelaksanaan Pelan Kerja Pematuhan di Jabatan Pematuhan.

Fungsi Jawatankuasa Pematuhan

Umumnya, fungsi atau tugas Jawatankuasa Pematuhan adalah seperti berikut:

- Menentukan, meluluskan, mengkaji semula, dan memantau Program Pematuhan Jabatan Pematuhan, termasuk prosedur dan juga pelaksanaan serta kemajuan aktiviti-aktivitinya;
- Menilai dan mengkaji semula hasil laporan pematuhan yang dibentangkan oleh Pegawai Pematuhan dan membuat saranan yang sewajarnya sekiranya diperlukan;
- Menilai ketidakpatuhan, mencadangkan tindakan yang akan diambil untuk menangani ketidakpatuhan ini dan menentukan tindakan tata tertib yang perlu, jika ada;
- Mengkaji semula dan meluluskan struktur fungsi pematuhan keseluruhan Kumpulan PNB, dan mengajihkan tanggungjawab dan pihak berkuasa pematuhan kepada pihak yang berkenaan;
- Menangani dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perkara berkaitan aduan pelanggan; dan
- Mengesyorkan dasar yang bersesuaian bagi memastikan pematuhan Kumpulan PNB yang berterusan terhadap undang-undang dan keperluan kawal selia yang sesuai, untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Aktiviti Jawatankuasa Pematuhan pada TK2018

Selari dengan fungsi dan bidang tugas Jawatankuasa Pematuhan, aktiviti yang berikut telah dijalankan sepanjang tempoh tahun kewangan:

- Meluluskan, mengkaji semula dan memantau Pelan Kerja dan Penunjuk Prestasi Utama Jabatan Pematuhan;
- Menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan yang dibentangkan oleh Pegawai Pematuhan dan membuat cadangan yang sewajarnya sekiranya diperlukan;
- Menilai ketidakpatuhan, mencadangkan tindakan yang akan diambil untuk menangani ketidakpatuhan ini dan menentukan tindakan yang sewajarnya;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan Jabatan Pematuhan untuk melaksanakan Pelan Kerja dan hasil keputusan kerja mereka;
- Menyemak struktur fungsi pematuhan Kumpulan PNB secara keseluruhan;
- Menyemak perkara-perkara berkaitan aduan pelanggan; dan
- Mengesyorkan Rangka Kerja AMLA Kumpulan PNB dan Dasar Pemberi Maklumat untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Rangkuman Program Pematuhan

Program Pematuhan telah diwujudkan dan dilaksanakan berdasarkan elemen asas yang dijelaskan dalam Garis Panduan Fungsi Pematuhan untuk Syarikat-syarikat Pengurusan Dana yang dikeluarkan oleh SC. Program Pematuhan PNB merupakan komponen utama dalam komitmen kami untuk mencapai standard tatalaku korporat yang tertinggi. Ia dirancang untuk memupuk pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan termasuk Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, serta keperluan-keperluan lain yang berkaitan dengan perniagaan kami seperti hal-hal berkaitan integriti. Memandangkan Program Pematuhan yang sangat dinamik, ia disemak dan ditingkatkan bagi memenuhi standard pematuhan yang sentiasa berubah. Elemen asas Program Pematuhan ini adalah manual pematuhan, pendidikan dan latihan, berhubung dengan pihak berkuasa kawal selia, semakan dan nasihat pematuhan, serta penyeliaan terhadap perkara-perkara berkaitan Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT).

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan PNB untuk memastikan risiko pematuhan kawal selia diuruskan dengan berkesan bagi menyokong pertumbuhan perniagaan selari dengan aspirasi dan selera risiko Kumpulan PNB, kami komited untuk menubuhkan dan melaksanakan struktur dan program pematuhan komprehensif yang selaras dengan amalan terbaik industri serta standard antarabangsa. Dengan penyeliaan dan bimbingan daripada Jawatankuasa Pematuhan Kumpulan PNB dan diketuai oleh Pegawai Pematuhan, Jabatan Pematuhan bertujuan untuk memenuhi aspirasi yang berikut:

- Untuk mencapai sasaran ketidakpatuhan sifar bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan keperluan kawal selia yang berkaitan seperti ditetapkan oleh SC dan agensi yang berkaitan;
- Untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehlilahan Jabatan Pematuhan mengenai peranannya sebagai penasihat. Ini supaya ia sentiasa dapat berfungsi secara efektif sebagai barisan pertahanan kedua; dan
- Untuk menanamkan budaya pematuhan yang kukuh dan menjadikan pematuhan sebagai cara hidup, terutamanya dalam mencapai visi dan matlamat Kumpulan PNB.

Dalam usaha memenuhi aspirasi berkenaan, Program Pematuhan PNB pada 2018 menumpukan kepada aktiviti yang berikut:

1. Meningkatkan Operasi Menerusi Inovasi

Dalam menghadapi persekitaran perniagaan yang mencabar, PNB telah berjaya mengautomatikkan proses pematuhan utama kami, menerusi penubuhan Sistem Pematuhan. Ini dijangka akan meningkatkan kecekapan dan keberkesan operasi Jabatan Pematuhan dengan objektif utama dapat menyerahkan laporan pematuhan berkala mengikut masa yang ditetapkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Sistem Pematuhan ini menyediakan pengesanan awal sebarang ketidakpatuhan yang memerlukan tindakan pemulihan yang segera. Ini bagi memenuhi keperluan kawal selia dan bertindak umpama sistem penggera untuk memastikan ketidakpatuhan sifar dalam penyerahan laporan berkanun. Ia juga akan membolehkan laporan pematuhan untuk Lembaga Pengarah dihasilkan dengan cara yang berkesan dan cekap.

Manual Pematuhan kami yang berfungsi sebagai platform sehenti untuk kakitangan mendapatkan semua perkara yang berkaitan pematuhan seperti undang-undang yang terpakai, peraturan, garis panduan dan dasar dalaman untuk rujukan dalam menjalankan operasi harian, kini boleh diperoleh secara dalam talian. Semua rujukan terkini tentang garis panduan, dan undang-undang yang terpakai boleh didapati daripada sistem ini, sekali gus membolehkan kakitangan mendapatkan kemas kini perubahan peraturan dalam industri.

Selain itu, kami telah menambah baik proses dalaman yang berkaitan dengan aktiviti AML/CFT menerusi penubuhan dan pelaksanaan aliran proses baru dan pengubahsuaian sistem IT yang sedia ada, sejajar dengan amalan terbaik industri.

2. Meningkatkan Program Literasi dan Kesedaran

Kami percaya bahawa pendidikan dan latihan dalam kalangan warga kerja kami merupakan komponen utama dalam menanamkan budaya pematuhan. Ini merupakan aspek kritikal untuk memastikan semua kakitangan dalam Kumpulan PNB, yang baru dan sedia ada, akan diberi peringatan tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam menegakkan tatalaku dan integriti yang betul. Pada 2018, Jabatan Pematuhan telah mengendalikan 13 program yang melibatkan semua pengguna e-mel. Program ini termasuk perkongsian maklumat mengenai prinsip teras pematuhan, selain nota penerangan keperluan kawal selia utama yang perlu dipatuhi ketika menjalankan tugas harian mereka.

Selain itu, Jabatan Pematuhan telah berkongsi 14 kemas kini kawal selia yang berkaitan, untuk memastikan semua kakitangan sedar dan mematuhi keperluan kawal selia terkini. Dalam mengukur keberkesan program berkenaan, kaji selidik kepuasan pelanggan telah dikendalikan dan menunjukkan bahawa 98% daripada responden menyatakan bahawa mereka telah mendapat manfaat daripada program yang dijalankan.

3. Penglibatan Berterusan dengan Pihak Berkusa

Program pematuhan lain yang dikendalikan termasuk penglibatan berterusan untuk menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan pihak berkuasa berkenaan dalam industri seperti SC, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), dalam usaha untuk menambah baik penerimaan dan pemahaman tadbir urus dalam operasi harian kami.

Pada 2018, Jabatan Pematuhan telah mengambil bahagian dalam sesi penglibatan yang dianjurkan oleh SPPRM untuk berbincang mengenai pelan strategik Kerajaan mengenai perkara berhubung integriti dan cabaran utama dalam menangani isu AML/CFT. Menerusi sesi-sesi ini, PNB dapat mengadakan perbincangan langsung secara mendalam dengan SPPRM mengenai perkara berkaitan AML/CFT dan bertukar fikiran dengan GLC yang lain mengenai perkara berkaitan integriti, pemberian maklumat dan tadbir urus korporat.

Kenyataan Pencegahan Rasuah dan Sogokan

